



MALAYSIA

# LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 25 Januari 2022

Bil. 1(i)/2020

## MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Prosiding Mengenai:  
PEROLEHAN KAPAL PERONDA  
GENERASI KEDUA BAGI TENTERA LAUT DIRAJA  
MALAYSIA (TLDM)**

### **Kementerian Pertahanan**

1. Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein,  
Menteri Kanan Pertahanan
2. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz,  
Ketua Setiausaha

### **Tentera Laut Diraja Malaysia**

Tan Sri Laksamana Mohd Reza bin Mohd Sany,  
Panglima Tentera Laut

### **Lembaga Tabung Angkatan Tentera**

Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman,  
Ketua Eksekutif

**PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK JAWATANKUASA 1,  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
SELASA, 25 JANUARI 2022**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*  
YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk  
Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]  
YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]  
YB. Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]  
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]  
YBrs. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha*

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]  
YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]  
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]  
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]  
YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]  
YB. Dato Haji Salim Sharif [Jempol]  
YB. Dato Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Aidhanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha (Seksyen Jawatankuasa Pilihan), Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]  
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Seksyen Jawatankuasa Pilihan), Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Peguam Negara**

Puan Zarinah binti Mat Jailaini [Peguam Kanan Persekutuan]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Perkhidmatan)]

*samb/-*

**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)**Kementerian Kewangan**

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha Kanan Unit Kawalan dan Pemantauan, Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat]  
Encik Nurul Allbiirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan Unit Kawalan dan Pemantauan, Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat]

**Jabatan Audit Negara**

Datuk Nor Salwani binti Muhammad @ Mat [Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)]  
Puan Norliza binti Md. Nuruddin @ Nordin [Pengarah Bahagian Audit Kewangan IV, Sektor Audit Kewangan]

**Jabatan Akauntan Negara**

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Timbalan Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (Seksyen Pengurusan Perakaunan Persekutuan)]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Tuan Mazery bin Mohd Zaini [Pegawai Siasatan (Bahagian Siasatan)]  
Tuan Mohamad Khairol bin Mohamad [Pegawai Siasatan (Bahagian Siasatan)]

**Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri**

Encik Khairil Wari bin Abd Rani [Timbalan Pengarah (Pertahanan) Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam]

**SAKSI-SAKSI****Kementerian Pertahanan**

Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein [Menteri Kanan Pertahanan]  
Dato' Sri Muez bin Abd Aziz [Ketua Setiausaha]  
Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Timbalan Ketua Setiausaha]  
Encik Mohammad Abiddin bin Abd Rahman [Setiausaha Bahagian Perolehan]  
Puan Kogila Devi a/p Radakrishnan [Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Perolehan]  
Encik Syahizwan bin Osman [Penolong Setiausaha Bahagian Perolehan]

**Tentera Laut Diraja Malaysia**

Tan Sri Laksamana Mohd Reza bin Mohd Sany [Panglima Tentera Laut]  
Kepten Abdul Jamal bin Mohd Nasir [Ketua Pengarah Pasukan Projek LCS]

**Lembaga Tabung Angkatan Tentera**

Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman [Ketua Eksekutif]

---

## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEEMPAT

Selasa, 25 Januari 2022

Bilik Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.05 pagi

[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**Tuan Pengerusi:** Salam sejahtera, selamat pagi dan selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Naib Pengerusi PAC, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen Keempat Belas. Selamat datang juga saya ucapkan kepada ex-officio yang hadir pada pagi ini— AGC, JPA, MoF, Jabatan Audit Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi JPM.

Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat prosiding pertama PAC pada tahun 2022. Saya ingat tidak lewat untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, sebenarnya pada minggu lepas, pihak PAC sepatutnya telah mengadakan *site visit* yang pertama kita di Sekolah Sukan Malaysia Perlis di Padang Besar, Kangar. Malangnya, ada sidang khas Parlimen pada hari yang sama. So, *site visit* tersebut telah pun ditangguhkan.

Sebelum saya meneruskan prosiding pada hari ini, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pertahanan (MinDef) dan Boustead Naval Shipyard (BNS) kerana telah menjadi *host* kepada Mesyuarat Prosiding PAC di Pangkalan TLDM, Lumut, Perak pada 10 Disember yang lepas. Prosiding yang diadakan dan disusuli dengan lawatan kerja dengan kapal LCS yang sedang dibina tentu akan dapat membantu jawatankuasa ini dalam menyiapkan laporan berhubung perolehan kapal LCS TLDM.

Kita akan meneruskan prosiding kita dalam subjek perolehan enam buah kapal LCS bernilai RM9 bilion. Ini adalah prosiding yang kelapan sejak jawatankuasa ini memulakan prosiding pertama kita pada 18 November 2020. Lebih daripada setahun sudah. Isu ini telah pun dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 yang dibentangkan kepada PAC pada 5 November 2020.

Kita telah pun memulakan prosiding kita pada 18 November 2020 dengan memanggil Yang Berbahagia Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, KSU MinDef yang juga hadir pada pagi ini. Setelah itu, kita telah memanggil Tan Sri Ambrin Buang, Pengerusi Jawatankuasa Siasatan

Tadbir Urus Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) pada 1 Disember 2020. Saksi-saksi yang dipanggil selepas itu adalah Pasukan Projek LCS (PPLCS) pada Disember 2020. Pada Julai 2021, kita telah mendengar penjelasan daripada Yang Berbahagia Jeneral (B) Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Haji Jaafar, mantan Panglima Tentera Laut.

Pada 27 September, pihak PAC telah mendengar penjelasan daripada syarikat pembina kapal iaitu Boustead Naval Shipyard yang diwakili oleh Yang Berusaha Encik Low Kok Chiang selaku CEO syarikat berkenaan. Manakala pada 25 Oktober, jawatankuasa ini telah memanggil dan mendengar penjelasan daripada mantan Menteri Pertahanan iaitu Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi.

Hadir di hadapan PAC pada pagi ini adalah, yang pertama, Yang Berhormat Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein, Menteri Pertahanan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana hadir ke PAC pada pagi ini. Bersama-sama dengan beliau ialah Yang Berbahagia Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, KSU MinDef. Juga hadir bersama ialah Tan Sri Laksamana Mohd Reza bin Mohd Sany, Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia dan juga Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman, CEO LTAT.

#### ■1010

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Pertahanan dan juga Yang Berbahagia Dato' Sri KSU kerana telah memberikan kerjasama untuk hadir dalam prosiding penting bagi isu LCS ini.

Jadi, tanpa membuang masa, biarlah saya teruskan prosiding ini dengan menjemput Yang Berhormat Menteri Pertahanan untuk memaklumkan kepada PAC berkenaan dengan perkembangan terbaru mengenai perolehan kapal LCS ini terutama sekali berkaitan dengan pembentangan MJM MinDef mengenai isu ini. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein [Menteri Kanan Pertahanan]:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Terima kasih, Ahli-ahli Jawatankuasa PAC, tuan-tuan dan puan-puan, saudara saudari sekalian.

Seperti apa yang Tuan Pengerusi sebut tadi, PAC sendiri telah memikirkan masalah LCS ini tujuh kali. Kalau termasuk hari ini, sudah lapan. Kalau termasuk *site visit* di Lumut tempoh hari, jadinya sembilan hubungan kita dengan PAC sahaja.

Akan tetapi, selain daripada PAC, latar belakangnya, Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus (JSTUPKK) telah pun panggil MinDef dan kita terpaksa memberi penjelasan kepada jawatankuasa berkenaan tiga kali. Pada masa yang sama, SPRM pun telah memanggil kita dan kita telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada SPRM dua kali.

Bermakna bahawa saya harap mulai daripada mesyuarat persidangan kita hari ini, kita ingin lihat ke hadapan. Apa saya tengok rata-rata daripada keputusan MENHAN sebelum daripada saya sendiri, pihak Yang Berhormat Kota Raja, pihak Yang Berhormat Bera iaitu Perdana Menteri kita hari ini dan juga perbincangan di peringkat jawatankuasa Jabatan Audit

---

Negara, daripada Jawatankuasa TUPKK, semuanya merasakan bahawa projek ini *for many reasons* mesti diteruskan. Bagi kita, yang penting, *how are we going to move forward*.

Jadi, hari ini, KSU saya akan maklumkan kepada PAC. *Since I started to lead MinDef 2.0 ini, we have been working very hard to be where we are today.* Jadi, hari ini saya boleh maklumkan kepada PAC, Memorandum Jemaah Menteri telah pun siap dan kita telah pun edarkan untuk ulasan tiga buah agensi yang berkaitan iaitu MoF sendiri, EPU dengan AG's Chambers. Kita telah pun membuat keputusan untuk melibatkan semua pihak yang berkepentingan dan *today is a proof* apabila Tan Sri Panglima Tentera Laut ada bersama, CEO LTAT ada bersama dan kepimpinan tertinggi MinDef. *This is to show commitment* oleh semua pihak yang berkenaan *to find the way forward*.

Jadi, apa yang Dato' Sri KSU saya akan bantangkan kepada PAC kita ialah cadangan dan harapan serta hala tuju yang kita cadangkan ini akan dapat persetujuan Kabinet *and maybe* persetujuan PAC pun untuk tengok sama ada realistik atau tidak. Jadi, *the first issue, whether this project we want to abandon it altogether or we try and salvage it and I think* rata-rata semua kata minta kita *salvage it. Since I came into the ministry, we did whatever we can to try and salvage it and what we are going to* bentang kepada PAC ialah apa yang kita harap dapat persetujuan daripada Kabinet. *Of course, whatever that has been decided, will be tabled to— I mean,* saya akan maklumkan kepada Dewan Rakyat pun.

*The last thing I want to say here* ialah bahawa kepimpinan ATM, kepimpinan TLDM, kepimpinan MinDef, kepimpinan Boustead hari ini semuanya merupakan muka-muka baharu. Jadi, apabila kalau kita kata hendak tengok pada kelemahan— dan saya tidak nafikan bahawa dalam kes LMS ini ada kekurangan-kekurangan tetapi proses SPRM, proses kita hendak cari di mana kelemahan-kelemahan itu melibatkan— bukan pihak yang memimpin hari ini. Pihak kepimpinan hari ini ialah untuk melihat ke hadapan. *That is our job.* Akan tetapi, kalau ada perkara-perkara yang tidak kena, itu kita serahkan dan akan beri kerjasama sepenuhnya kepada agensi-agensi berkenaan.

SPRM ada hari ini dan beberapa tangkapan telah pun saya maklum telah pun dibuat terhadap *previous* Boustead punya *management.* *At the same time,* kita hendak tengok pada kelemahan-kelemahan proses di MinDef dan kerjasama daripada TLDM supaya kalau sekiranya *the way forward* ini dapat dipersetujui, *we will not repeat the same mistake and we want to reduce the cost implication* kepada *the way forward.*

Jadi, *what KSU is going to brief PAC today is looking forward.* Pertama, *is on the corporate restructuring.* Keduanya, *on the fundraising for the future.* *But I believe that it will be staggered for the first two ships. I don't think they will be incurring any more new cost, but Boustead will have to deliver those two ships. I am hoping to form an independent committee to monitor the delivery of those two ships* dan wakilnya kita boleh bincang bersama siapa yang PAC *feels should be there to monitor.* Apa komitmen kita berikan kepada Boustead ini,

---

mereka kena *deliver at least on the two ships. They will not get any more money from the government until these two ships have been delivered.* Itu akan dibentangkan oleh KSU selepas ini. *Correct me if I'm wrong, Dato' ya. [Ketawa]*

*I also got MoF and EPU, Dato' Sri Mustapa bin Mohamed on board.* Benda ini sudah dibawa ke Kabinet dua kali sebelum saya. Dua kali itu tidak dapat jalan penyelesaian. *This is the third time that I am bringing it, and hopefully with everybody's support including PAC, I think we have a better chance to move forward on this. On the past, let find out who is at fault and they should not be—* mereka tidak seharusnya terkecuali daripada berdepan dengan sekurang-kurangnya memberi penjelasanlah apa yang berlaku.

Jadi, itu sahaja mukadimah saya, Yang Berhormat. *If you allow my KSU to bantangkan the way forward dan kalau ada soalan-soalan kepada saya, kepada KSU, kepada TLDM pun, feel free to let me know,* dengan izin.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri. *Actually,* saya ada sedikit penjelasan yang saya hendak minta kepada Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri kata dalam penstrukturan korporat yang dicadangkan itu sehingga dua buah kapal, LCS 1 dan LCS 2 siap. Maka tidak ada *payment* lanjutan ataupun bayaran lanjutan akan dibayar kepada pihak BNS.

Mungkin poin ini boleh diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri ataupun Dato' Sri KSU nanti kerana apabila saya baca slaid implikasi kewangan itu, nampaknya dua tahun pertama akan menggunakan baki projek yang sedia ada. *So, are we going to use that RM3 billion to fund LCS 1 and LCS 2? So maybe, this one can be clarified during the process. Thank you.*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *KSU will clarify it, Yang Berhormat, but my point is that if we want to proceed, we cannot put all the money upfront if Boustead doesn't commit to being able to deliver at least two ships.*

#### ■1020

Jadi, yang dua buah kapal yang kita hendak tengok komitmen dan kemampuan Boustead ini, ia banyak bergantung pada keputusan Jemaah Menteri, *and then monitoring Boustead to deliver. Then only, we look. Because, the first two is still under the contractual amount. It will not affect upfront payment on that.* Itu penjelasan *but the details, KSU can give you the details on that.*

*Basically,* kita punya pertimbangan termasuk hujah-hujah daripada Yang Berhormat Lumut dan daripada Ahli-ahli Parlimen kita yang lain *is to make sure that the vendors dan ramai daripada mereka yang merupakan vendors kepada projek ini tak terpaksa gulung tikar termasuk ramai veteran-veteran kita. Let us see lah on this two projects dulu because these two ships are the ones that has been completed the most dari segi percentage.*

---

PAC juga sempat ke Lumut hari itu, *you saw part of what has been done and basically you seen the storeroom that we have of the parts that we bought already. This gives us some confidence lah that Boustead can do it.* Itu satu.

Keduanya, *the financial implications. We have to ring fence Boustead so that it doesn't bleed LTAT.* Itu yang *financial restructuring* yang KSU akan bentangkan kepada PAC today. Dalam kita hendak memastikan dua kapal ini siap, *we want to make sure that the pension fund of LTAT is not affected by the bleeding of Boustead.*

Jadi, apa yang kita hendak lakukan, kita ada cadangan kepada Kabinet kali ini *involves all that. Maybe that is slightly different from what has been proposed to Cabinet the first two times.* Jadi, itu kita harap akan meyakinkan kepada Kabinet untuk meluluskan cadangan kita. *This is the only option I have. If I am wrong or is not enough, then I don't have any other ideas to propose. You got to find a new Defense Minister lah. [Ketawa]*

Sila Yang Berhormat Dato' KSU. *With your permission, Sir.*

**Tuan Pengerusi:** Sebelum saya menjemput Dato' KSU, mungkin Yang Berhormat Sabak Bernam. Sila.

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih kepada *Chairman* dan kepada Menteri dan juga KSU. Saya cuma hendak tanya satu perkara. PAC ini sudah, saya ingat, paling lamalah prosiding tentang kapal ini dan kita pun sudah pergi ke Lumut. Cuma saya hendak tanya Menteri, apakah keputusan daripada Kabinet yang telah dibincangkan? Kerana PAC tak ada peluang masuk ke Kabinet. Saya rasa sama ada hendak diteruskan ataupun ada solusi ataupun keputusan yang lain? Terima kasih.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Sebenarnya keputusan Kabinet belum kita kecapai. Memorandum yang telah pun diperincikan oleh saya sendiri secara peribadi *line by line, word for word* sekarang sedang diedarkan kepada kementerian-kementerian yang berkaitan untuk ulasan iaitu MoF, EPU dan juga Peguam Negara. Apabila ulasannya sudah kembali kepada kita, saya akan bawa kepada Kabinet. Semua yang hadir pada hari ini akan taklimatkan Kabinet supaya Kabinet *will make an informed decision.*

Jadi, sebenarnya keputusan Kabinet belum kita kecapai. Memorandum daripada MinDef sudah pun siap. Pandangan dan ulasan daripada tiga kementerian tadi masih dalam proses hendak dapat dalam satu dua minggu ini. Mungkin bila ulasannya sudah kembali, kita boleh bentangkan kepada Kabinet untuk mendapat keputusan yang muktamad *which we will inform PAC when that happens.*

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]:** *Mr. Chairman.*

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Sedikit, Yang Berhormat Dato' Seri ya. Ini bukanlah berita yang sahih ya, namun bukan juga khabar angin. Cuma kata-kata di luar sanalah yang sedikit memberikan kesan kepada PAC iaitu, dengan izin, *whatever delay that*

---



*is existing now in terms of making a decision by the Cabinet, one of the reasons is that PAC is still handling this issue and they are waiting for PAC punya... [Disampuk] That's why I am saying. I don't think is so official like that. But kelambatan itu, especially when I go back to Lumut, they are still not started work dan a little blame is put on PAC kerana PAC belum atau masih lagi memanggil minister. Jadi, minister. minister pun kena tunggu PAC. So, I don't think that is the right thing to say by anybody lah. Not from you.*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *Can state on record, that is not true. Sebenarnya apa yang PAC buat ini ialah untuk membantu MinDef, ATM to get our ship in order lah. Jadi kalau sekiranya you rasa benda ini menjadi sesuatu yang perlu penjelasan, I can make a statement to deny the delay in finding a solution for LCS has got nothing to do with PAC punya prosiding.*

**Tuan Pengerusi:** *Okey, thank you. Dipersilakan Dato' Sri KSU.*

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz [Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi PAC, Ahli-ahli PAC, Yang Berhormat Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein, Menteri Pertahanan.

Izinkan saya selaku KSU MinDef untuk *share* dengan PAC berkaitan dengan perolehan enam buah kapal LCS TLDM. Agensi pengguna adalah tentera laut. Kaedah perolehan melalui bersama dengan Boustead Naval Shipyard.

Seperti yang PAC sedia maklum, nilai projek ini adalah siling peruntukannya sebanyak RM9.150 bilion, nilai kontrak RM9.128 bilion dan kontrak telah ditandatangani pada 17 Julai 2014. Jadi, berkaitan makluman am kontrak, tempoh kontrak ialah 10 tahun iaitu 3 Oktober 2013 sehingga 2 Oktober 2023. Reka bentuk, seperti yang telah kita sedia maklum, kita gunakan model GOWIND Variants (Naval Group, Perancis).

Sehubungan itu juga, Ahli PAC pun sudah dimaklumkan dan kita pun telah membincangkan berkaitan dengan kontrak yang juga melibatkan empat *supplementary contract* (SC) ya, iaitu *First Supplementary Contract* pada 27 Mac 2015, *Second Supplementary Contract* pada 14 September 2015, *Third Supplementary Contract* pada 30 November 2016 dan *Fourth Supplementary Contract* pada 24 November 2017. Jadi, saya tidak akan pergi secara *detail* lah, Yang Berhormat, kerana kita pun sudah bincang agak banyak berkaitan dengan kontrak, *supplementary contract* dan sebagainya.

*Next.* Untuk makluman jawatankuasa dari segi syor Jawatankuasa Siasatan. Jadi, seperti Yang Berhormat Dato' Seri Hishamuddin maklumkan tadi, kita sudah menyediakan Kertas Jemaah Menteri yang ketiga berkaitan dengan isu LCS ini. Seperti yang kita sedia maklum, kita telah— yang pertama pada 20 November 2020 dan yang kedua pada 5 Mei— sudah ada keputusan. Saya pun pernah memaklumkan dalam mesyuarat ini apakah keputusan-keputusan daripada Kertas Jemaah Menteri itu. *Insyallah*, yang ketiga ini, kita

---

akan dapat satu keputusan yang lebih konkrit, lebih *workable*, yang praktikal untuk *move forward* projek yang besar ini iaitu *Littoral Combat Ship* ini.

**Tuan Pengerusi:** *So, Dato' Sri, just nak pause* sedikit. Berkenaan dengan MJM 2.0 itu pada bulan Mei atau bulan Jun yang lepas. *I think* MJM itu adalah berkenaan dengan cadangan yang mana BNS kena *raise fund* dan sebagainya. *Are you referring to that? My question is are you referring to that particular MJM for MJM 2?*

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Maksudnya, Tuan Pengerusi, saya dimaklumkan kita sudah ada dua MJM. Yang kita akan *coming*, yang ketiga punya.

**Tuan Pengerusi:** *So*, yang kedua itu adalah berkenaan dengan cadangan kepada BNS untuk *raise fund* sebanyak RM4 bilion atau RM4.3 bilion?

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Ya, ya. Itu dalam yang kedua itu.

**Tuan Pengerusi:** *So*, itu sekarang dianggap sudah tidak...

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Tidak berlaku, Tuan Pengerusi, tapi...

**Tuan Pengerusi:** Tidak berlakulah. *So, we can forget about that proposal* lah?

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Jadi di dalam slaid ini, daripada usul daripada Jawatankuasa Tabir Urus dan Perolehan Kerajaan itu yang dipengerusikan Tan Sri Ambrin Buang adalah *variation order*, memuktamadkan dengan segera perubahan peralatan, memuktamadkan *detail design*— semua syor. Jadi, saya hendak *share* dengan Yang Berhormat, ini adalah kita hendak ambil kira apa pandangan-pandangan daripada jawatankuasa tersebut dan kita masukkan dalam Kertas Jemaah Menteri yang ketiga ini.

#### ■1030

*Next*, dari segi cadangan hala tuju terkini untuk makluman Yang Berhormat. Akan tetapi sebelum itu, Yang Berhormat, saya ada satu slaid lagi berkaitan dengan kronologi. Sedikit kronologi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat. Iaitu pada 16 November, projek ini— proses permohonan *Boustead* ialah bermula pada tahun 2007 sehingga 14 Oktober 2010 lagi. Daripada awal lagi hendak cerita *background* sedikit.

Pada 15 Oktober 2010, proses rundingan terus oleh KEMENTAH atau MinDef dengan BNS dan MoF sehinggalah 23 Mac 2011. Daripada 24 Mac 2011 sehingga 14 Disember 2011, proses pemilihan reka bentuk perolehan kapal peronda generasi kedua LCS ini telah dilaksanakan. Sehinggalah 16 Disember 2011 iaitu memuktamadkan reka bentuk perolehan kapal peronda generasi kedua LCS dan surat setuju terima dikeluarkan kepada BNS yang saya sudah maklumkan tadi pada 17 Julai 2014.

Cadangan hala tuju terkini. Terdapat cadangan dalam Kertas Jemaah Menteri yang baharu ini di mana kita ada penglibatan LTAT sebagai *anchor* dalam projek ini. Jadi, idea ini kita telah mulakan pada tahun lepas *since* September. Jadi, *delay* yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ini bukan disebabkan kita *delay* sebab PAC seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

---

Jadi dalam proses ini, sehingga 5 Mei iaitu Kertas Jemaah Menteri yang kedua, jadi bila kita tidak nampak hala tuju, keputusan itu tidak dapat dilaksanakan oleh BNS dan BHB dan sebagainya, kita *have to come out* dengan *new solution*. *It will take time*. Jadi, beberapa siri *engagement*, hampir lima kali, kita bersama-sama, *since* September, sehinggalah kita dapat mendrafkan, mengeluarkan satu Kertas Jemaah Menteri yang baharu yang kita rasa amat praktikal dan *workable* untuk kita meneruskan penyediaan enam buah kapal LCS ini.

Jadi, ini ada penglibatan LTAT sebagai *anchor*. Jadi, *Boustead Naval Shipyard* (BNS) diletakkan di bawah *special purpose vehicle*. Itulah cadangannya. Semua cadangan ini, Yang Berhormat, sebenarnya kita tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri. Belum kita kemukakan lagi. Seperti yang dimaklumkan Yang Berhormat Menteri, kita dalam proses edaran.

Jadi, *special purpose vehicle* (SPV) akan bertindak sebagai *bankruptcy-remote entity* atau *ring-fencing*. Maksudnya di sini, kita tidak mahu BNS ini dikesan berlakunya *anything problem* dalam BNS ini akan *effect* kepada LTAT. Seperti yang dimaklumkan, lebih kurang 112,000 orang anggota tentera yang mencarum di bawah Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Kita tidak mahu *domino effect* atau kita hendak panggil kesan kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Tabung Angkatan Tentera mempunyai saham lebih kurang *10.3 percent* dalam BNS dan cukai tidak langsung dalam *8.2 percent* dalam BSIC dan keseluruhannya kepentingan LTAT dengan Boustead hampir *60 percent*. Jadi, *anything happen* dalam BNS, dalam BSIC ini akan *effect* secara tidak langsung kesan kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang melibatkan pencarum lebih kurang 112,000 orang anggota tentera.

Jadi, kita ada *ring-fencing* dekat situ. Jadi, MoF kekal sebagai pemegang saham khas. Juga, kita ada penyusunan semula barisan ahli lembaga pengarah BNS dan SPV serta pengurusan korporat. Itulah yang dimaksudkan pengurusan korporat secara total, inklusif supaya projek ini akan dapat kita laksanakan dengan lebih teratur.

Ya, Yang Berhormat. Itu cadangan kamilah.

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya, sila.

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh:** Saya hendak tanya sebelum pergi jauh lagi. Ia tentang kontrak. Kita lihat bahawa ia dimulakan pada tahun 2014.

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Ya.

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh:** Sekarang tahun 2022.

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Tahun 2022.

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh:** Empat kali telah diadakan perjanjian...

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Ya.

---

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh:** ...Dan menelan belanja sebanyak RM9.12 bilion. Saya hendak bertanya, apakah proses kontrak itu sama ada berjalan dengan baik ataupun melanggar peraturan yang ditetapkan oleh kementerian dan juga kerajaan? Sekiranya melanggar, apakah tindakan yang setakat ini telah dibuat oleh kerajaan ataupun kementerian? Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Terima kasih, Yang Berhormat. Seperti yang saya pernah maklumkan dalam siri-siri PAC yang sebelum ini dan seperti yang saya maklumkan tadi, kontrak ini adalah selama 10 tahun. Pada asalnya 17 Julai 2013 sehingga— itu ditandatangani tetapi kontrak kita daripada Oktober 2013 sehingga Oktober 2023.

Jadi, *of course* seperti yang kita sedia maklum, inilah masalah yang kita hadapi kerana kapal tidak dapat disiapkan seperti yang telah— sepatutnya, *by now we should have received* empat buah kapal *already*. Jadi, ada kelewatan. Memang benar ada kelewatan dan kita telah mengambil tindakan pengenaan LAD dan sebagainya. Malah kita dengan beberapa usaha yang kita buat melalui Jemaah Menteri, kita ada beberapa cadangan untuk kita meneruskan dan juga untuk memastikan pihak Boustead dan sebagainya untuk mengotakan komitmen mereka. Tindakan memang sudah ada, Yang Berhormat, dan kita sudah mengenakan LAD. Saya sudah maklumkan sebelum ini. Saya pun sudah ditegur oleh Ketua Audit Negara supaya mengenakan LAD dan sebagainya. Kita telah buat kenaaan tersebut melalui pelbagai *set off*. Jadi, *instead of* bayar, kita sudah tolak sebahagian bayaran itu untuk melunaskan komitmen LAD tersebut.

Jadi, daripada segi pengurusan projek adalah teratur. Ia memastikan MinDef sebagai pentadbir kontrak melaksanakan tanggungjawab tersebut, Yang Berhormat. Jadi, isu sekarang, kita hendak meneruskan bagaimana untuk menyiapkan kapal ini supaya dapat diapakan. Boleh saya teruskan, Yang Berhormat?

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Saya hendak tambah.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Yang Berhormat, selain daripada apa yang MinDef akan ambil tindakan, SPRM juga, seperti saya sebutkan tadi, menyiasat. Tindakan-tindakan terkini terhadap mereka yang didapati ada mungkin kelemahan, kekurangan, kesalahan dan kesilapan, itu kita serahkan kepada SPRM untuk menentukannya.

Akan tetapi pada masa yang sama, *the financial audit* yang sebelum ini dilakukan, yang sebelum ini diserahkan kepada SPRM, saya dimaklumkan bahawa di atas permintaan PAC di Lumut baru-baru ini, ia telah pun dipanjangkan kepada PAC. *So, that audit is with PAC now for you to study.*

**Tuan Pengerusi:** Untuk rekod, baru semalam kita terima dan kita akan memanggil pasukan audit untuk hadir.

---

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *So, it just shows that kita tidak ada apa-apa hendak sembunyikan. Kalau sekiranya selepas penelitian PAC on that audit, if you need to call whoever needs to be called, by all means. To get to the bottom of this. Akan tetapi, for this meeting today, I just need your support for us to move forward.*

**Tuan Pengerusi:** *Okay, thank you.*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *Thank you.*

**Tuan Pengerusi:** Dato' Seri KSU...

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Boleh? *Sorry.*

**Tuan Pengerusi:** Sebelum itu, Dato' KSU, bolehkah tidak menjelaskan dengan lebih lanjut lagi *the corporate restructure* dari segi apakah peranan SPV tersebut, apakah maksud BNS diletakan di bawah SPV dan apakah peranan MoF sebagai pemegang saham khas? *So, all these things I think kita kena lebih jelaslah bagi pihak PAC, especially peranan di SPV.*

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Yang Berhormat, ini cadangan, Yang Berhormat. Benda ini belum diluluskan oleh Kabinet lagi. Ini cadangan kita hendak *way forward*. Kita tidak ada *choice* sudah, seperti Yang Berhormat Menteri ada maklumkan tadi. *We don't have anymore— this maybe, probably the last resort yang kita boleh complete the ship.*

Jadi, untuk makluman, yang pertama sekali, penglibatan LTAT. Jadi, kita hendak LTAT akan memainkan *role* sebagai *anchor*. Maknanya *it'll take over Boustead Naval Shipyard* ini. *Total take out from Boustead Holding Berhad dimasukkan sebagai - will be owned— itu cadangan kitalah— 100 percent owned by LTAT.*

#### ■1040

Sekarang ini, seperti yang saya maklumkan tadi, sekarang LTAT ada *about 10 percent* dengan Boustead Naval Shipyard (BNS). Jadi, kena *takeover, so BNS will be focused as new entity*. Mungkin kita akan wujudkan sebuah SPV untuk membina kapal ini, tuan-tuan dan puan-puan. *Hundred percent akan restructure semula BNS itu daripada segi pegangan dan sebagainya, 100 percent will be owned by LTAT.*

**Tuan Pengerusi:** *So, the SPV will be owned by LTAT?*

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** LTAT.

**Tuan Pengerusi:** *Fully? Secara penuh?*

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Ya, *fully*.

**Tuan Pengerusi:** *So, apakah peranan MoF sebagai pemegang saham khas?*

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** *Jadi, will be 100 percent owned tetapi kita akan beri satu pegangan— sebab sekarang ini, dalam setup yang sedia ada adalah pegangan saham oleh MoF. Golden share sahaja. Ya, golden share.*

**Tuan Pengerusi:** *Then how does it help in the situation of this ring-fencing or something— I am not very...*

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** *Okey, okey, ring-fencing...*

---

**Tuan Pengerusi:** *I am not very clear about the concept of ring-fencing.*

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Seperti yang saya maklumkan tadi, Yang Berhormat, bila kemelut yang berlaku sekarang ini, masalah yang dihadapi, masalah kewangan yang dihadapi oleh Boustead, khususnya Boustead Naval Shipyard untuk meneruskan— masalahnya, Yang Berhormat, isu yang utama sekarang adalah masalah dari segi *financing*, kewangan yang dihadapi oleh Boustead Naval Shipyard. Bukan daripada segi teknikal. *They have the knowledge, they have the capability* untuk meneruskan membina kapal ini. *There's no issue on that.* Akan tetapi, isu sekarang ialah kewangan.

Jadi, bila ada berlaku kesan daripada kewangan ini— dan kita pernah bercakap berkenaan dengan PN17 dan sebagainya, *and we have to protect* ini, tuan-tuan dan puan-puan. Kerana, isu pertama, kita hendak *protect* 112,000 penjarum LTAT yang ada, tuan-tuan dan puan-puan. Jadi, hendak *make sure* BNS ini akan terpisah daripada masalah-masalah tersebut, sebab itu kita masukkan itu *ring-fencing*. Maksudnya memastikan *anything* isu yang berlaku, masalah kewangan akan tidak *affect* kepada penjarum-penjarum tersebutlah, tuan-tuan dan puan-puan.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, salah satu sebab projek ini diteruskan adalah, satu, *we need the ship for our defence*. Isu kedua adalah untuk menjaga kepentingan supaya kalau kita biarkan, ia akan *affect* Lembaga Tabung Angkatan Tentera, tuan-tuan dan puan-puan dan sebagainya. Itu adalah satu faktorlah, Yang Berhormat.

Itu adalah kita punya cadangan, tuan-tuan dan puan-puan, supaya kita akan dapat BNS *will still continue to complete the ship, and at the same time*, kita hendak pastikan *anything happened* kepada BNS tidak akan *affect* kepada LTAT khususnya, tuan-tuan dan puan-puan. Itu pelan kitalah, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Dato' Sri. Saya jemput Yang Berhormat Naib Pengerusi, selepas itu Yang Berhormat Lumut dan Yang Berhormat Sabak Bernam dan Yang Berhormat Sik.

**Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort]:** Terima kasih Yang Berhormat *Chairman*. Dato' KSU mesti mengetahui dan faham bahawa daripada hasil perjumpaan kami di Lumut hari itu, kita dapati memang BNS *is in deep trouble as far as* kewangan *is concerned*.

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Ya.

**Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun:** *And then*, kita pun dengar mereka tidak dibayar gaji dan sebagainya.

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Ya, betul.

**Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun:** Dan tindakan akan diambil terhadap mereka. Jadi kalau perkara ini masih lagi belum ada apa-apa tindakan, masih dilambat-lambatkan lagi...

---

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Betul.

**Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun:** ...Maka mereka akan tentunya akan bermasalah lagi. Jadi, bolehkah perkara ini diberikan perhatian yang serius supaya kerja-kerja dapat dilaksanakan dan mereka boleh beroperasi semula?

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat. Kami memang bersependapat dengan pandangan Yang Berhormat itu. Kita hendak *continue* dan mempercepatkan tetapi kita harus melalui beberapa proses, Yang Berhormat.

Yang *final* itu, *insya-Allah*, dengan Memorandum Jemaah Menteri yang disyorkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan ini, kita akan dapat pergi ke Kabinet— sekarang kita dalam proses mengedat. Seperti yang dimaklumkan Yang Berhormat Menteri tadi, kita sedang dalam proses untuk— *have to go through the process*, Yang Berhormat. Dapatkan buat edaran kepada tiga agensi iaitu MoF, EPU dan juga Peguam Negara (AGC). *Insya-Allah*, kita akan dapat sokongan tersebut dan terus kita akan *table*. Dijangka selewat-lewatnya awal Mac barangkali, Yang Berhormat.

Kita akan cuba secepat mungkin kerana kita *delayed*. Seperti yang sedia maklum, Yang Berhormat, *daily loss that we faced for one day*, lebih kurang, tak silap saya, dalam RM23 million daripada segi *interest* dan sebagainya. Memang kami sedar dan Yang Berhormat PAC pun akan dapat sama-sama menyokonglah kapal ini. *Delay is not an option*. Tidak ada opsyen lagi. Ini opsyen yang kita ada, nak teruskan kapal ini. Nak membantu—

Seperti yang saya maklumkan, *structure* ini kita buat untuk melancarkan proses pembinaan tersebut, *and at the same time, we can kill two birds with one stone* dan sebagainya. Dengan LTAT, kita boleh *protect the interest of the servicemen* seramai 112,000. Kapal *navy* pun kita boleh siapkan seperti di dalam Kertas Putih Pertahanan.

Kita sudah komen di dalam Kertas Putih yang kita bantangkan tahun 2019 untuk maritim punya *defend* dengan *role combat ship* ini, kita hendak buat operasi dari segi *sea control, sea denial, sea assertion on the surface and below the surface* dan sebagainya. Jadi, *they need really, badly, the ship littoral combat ship* ini, tuan-tuan dan puan-puan. Jadi, kita tidak ada *delay* lagi. *Insya-Allah*, kita akan dapat teruskan, kita akan dapat sinar, *insya-Allah*, pada tahun ini. Kita *complete at least* dua dahulu.

Jadi dalam pelan pemulihan— boleh saya teruskan, Yang Berhormat?

**Tuan Pengerusi:** Sebelum itu, ada tiga orang Ahli Yang Berhormat hendak bertanya lagi. Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Sabak Bernam dan Yang Berhormat Sik. Silakan.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Dato', saya tadi agak ada keyakinan apabila kata *total takeover of BNS by the SPV*. *Meaning to say, shipyard* yang di Lumut itu akan ditadbir oleh satu SPV lah. Akan tetapi, SPV itu LTAT.

---

Sedangkan tadi isunya kita hendak *limit the loss of LTAT from whatever happened to BNS* kerana LTAT ada *10 percent here, 60 percent there. Now you are giving the whole problem, 100 percent, to LTAT. So, this to me— it's not my forte ya— it's like a bailout.*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tun Pengerusi, *CEO of LTAT is here.*

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Ya.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *Do you allow him to speak?*

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Jadi, kalau *problem* pada *shipyard* itu, *if 100 percent ownership by LTAT, obviously LTAT will be at loss.* Kita pun risau sebab *the word bankruptcy has come into one of your slides*, walaupun itu nama khaslah, bukan? *You are talking about PN17, all these things.* Kita tidak hendak LTAT—

Saya beranggapan SPV ini di bawah MoF, contohnya. So, MoF akan sediakan satu SPV yang *professionally handled* dalam bidang ini. Bukan orang MoF dalam bidang ini. *The shipyard is still there. The ships will still be there* tetapi di bawah *control— nothing to do with* BNS ataupun LTAT. *But saya worry-lah* apabila kata *100 percent* LTAT. Jadi kita hendak menyelamatkan LTAT, 112,000 kita punya *pensioners*, tetapi kita meletakkan LTAT di dalam bahaya lagi. Jadi macam mana itu? Melainkan nanti kita kena *bailout* LTAT lah.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Sila.

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin...

**Tuan Pengerusi:** Boleh.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *With your permission*, Yang Berhormat, LTAT boleh jawab.

**Tuan Pengerusi:** Ya, silakan, Datuk Ahmad Nazim.

**Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman [Ketua Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa. Kalau kita boleh balik semula ke slaid *corporate restructuring* tadi. Slaid yang sebelum ini. Ada? *The current corporate structure* tak ada ya? Okey.

#### ■1050

Kalau di bawah struktur korporat yang sekarang ini, LTAT memiliki 10 peratus dalam BNS, kemudian 8.2 peratus dalam BHIC yang memiliki 20 peratus dalam BNS tetapi LTAT juga memiliki hampir 60 peratus pegangan saham dalam Boustead Holdings. Jadi, *under the current structure*, kalau kita biarkan BNS beroperasi dalam keadaan sekarang *where the liabilities are more than the assets— it is about RM1.5 billion in liabilities at BNS level as against the current asset which is less than RM1.5 billion— eventually, it will trigger a cross default of the loans across the Group. Not just BNS level, but also at Boustead Holdings level. There is about RM9 billions of total loans at Boustead Group level currently.*



*So, if we let this happen, then it will trigger what we call under Bursa rules, PN17. So, once PN17 happens under the current structure, then we estimate there is a potential wiping out of about RM2.1 billion of the pension fund money at LTAT.*

*So, what we plan to do under the current restructuring is to take BNS out; carving out BNS with all the assets and liabilities out of Boustead Group, so that first we avoid the triggering of the PN17 and also we avoid jeopardizing the current going concern status because of the non-resolution of the LCS problem.*

*So, once that happens, we take BNS out of the structure, then we focus on the debt restructuring, the creditor restructuring negotiations. Once BNS is out of the Boustead Group which is public listed company, this exercise can be done without requiring a Bursa announcement that may hinder the negotiations. So, that's the whole objective of the corporate restructuring. So that these can be done away from the public shareholding structure in Boustead Group, Yang Berhormat.*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Lumut. *Anything to add?*

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *Ya, it's a massive restructuring-lah for BNS too. That's why we are thinking, knowing the situation there, hendak dapatkan funding daripada mana? You are just thinking of government yang now ini.*

**Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman:** Yes.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** *Jadi, that's why pusing, pusing, pusing, duit kerajaan juga, duit government juga. I don't think any private entity— unless you are very big international shipyard kind of thing will come into this trouble, problem. That's why I was saying, itu baguslah. Ertinya, LTAT tidak terjejas dengan PN17, but the loss is there for LTAT.*

**Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman:** *We can avoid the losses, in fact, by doing this restructuring. In fact, kalau saya boleh jelaskan sedikit lagi, Yang Berhormat, this corporate restructuring has to be done along with the financial package. Sebab itu pelan pemulihan projek LCS itu dibuat bersekali dengan penstrukturan korporat. One cannot happen without the other. That's how we avoid the massive losses at the Boustead Group level as well as the LTAT level.*

**Tuan Pengerusi:** *Okay, before I invite Yang Berhormat Sabak Bernam, ada soalan berkaitan? Isu yang sama.*

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ada soalan yang berkaitan dengan ini kepada CEO. Berkenaan dengan rancangan ini, kalau ikut perancangan penstrukturan korporat, berapa lagi perlu di-*inject* ke dalam projek ini dari LTAT dan apa impak kepada pencarum LTAT?

**Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman:** Okey. Kalau dilihat dalam slaid itu, penstrukturan korporat berlaku bersekali dengan pelan pemulihan projek. Kalau di dalam pelan pakej penyelesaian itu, ada tambahan sebanyak *RM2.6 billion new funding injection.*

---

RM2.6 billion ini ialah bagi proses untuk memulihkan kapal. Akan tetapi, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kanan Pertahanan tadi, kita buat...

*[Saksi-saksi berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, mungkin Dato' CEO untuk sambung dahulu.

**Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman:** Okey, kita buat *based on the milestone. We will deliver the two ships first without incurring any additional funds from the government. That is based on the existing contract value of the remaining RM3 billion, we deliver two ships first. Once that is delivered, then only the remaining funds will be triggered. Otherwise, there is no additional funding from the government.*

**Tuan Pengerusi:** Okey. Ada apa hendak tambah tidak? Dato' Sri? Tiada. Saya minta ada dua Yang Berhormat lagi ya. Yang Berhormat Sabak Bernam, selepas itu Yang Berhormat Sik. Sila.

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Cuma, kita hendak menyelesaikan masalah rakyat di luar yang menyatakan bahawa— mungkin daripada penemuan-penemuan audit ataupun penemuan daripada SPRM. Kita hendak menjelaskan kepada rakyat di luar sana kerana seperti yang dinyatakan, kita sedia maklum bahawa sebanyak RM9.12 bilion duit kerajaan. Tadi KSU menyatakan bahawa masalah kita bukanlah masalah dari segi teknikal. Masalah daripada kewangan. Daripada kontrak yang pertama, kedua, ketiga dan keempat, RM9.12 bilion itu sudah mencukupi untuk membina kapal.

Setakat inilah, kalau boleh saya bertanya ya, Tuan Pengerusi, sama ada maklumat ini berada di Tuan Pengerusi atau sebagainya? Saya hendak tanya kepada Jabatan Audit Negara, yang pertama, dan kepada SPRM, yang kedua. Apakah penemuan-penemuan setakat ini? Adakah ada masalah-masalah ketirisan, masalah-masalah penyelewengan dan juga masalah-masalah lain? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ada? Tadi ada persoalan daripada Yang Berhormat Sabak Bernam kepada SPRM dengan Jabatan Audit Negara. SPRM ada? Ya, sila.

**Tuan Mazery bin Mohd Zaini [Pegawai Siasatan (Bahagian Siasatan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]:** *Assalamualaikum*, Yang Berhormat. Okey, untuk siasatan...

**Tuan Pengerusi:** Sila bagi nama ya untuk rekod.

**Tuan Mazery bin Mohd Zaini:** Nama saya Mazery daripada Bahagian Siasatan. Nama penuh, Mazery bin Mohd Zaini daripada Bahagian Siasatan, Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

---

Untuk siasatan SPRM, apa yang saya boleh kongsi iaitu terkini terdapat dua tangkapan yang dibuat oleh pihak SPRM bagi membantu siasatan berkenaan dengan projek pembinaan kapal LCS ini. Untuk input berkenaan dengan hasil siasatan, kami sedang melaksanakan siasatan terhadap dua tangkapan yang baru dibuat ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** *Before that, I think... [Disampuk]* Ya, ya. Sila.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, pihak SPRM. Saya tahu tak boleh pergi *detail* kepada siasatan tetapi sekurang-kurangnya boleh maklum kepada PAC tangkapan tersebut berlandaskan siasatan *forensic auditing* ataupun daripada maklumat yang dikemukakan oleh Laporan Ketua Audit Negara.

**Tuan Mazery bin Mohd Zaini:** Siasatan yang dibuat adalah berdasarkan *forensic auditing* yang kami perolehi yang bila kami dapat jawapan, terus kami jalankan siasatan. Okey, terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Sik.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Terima kasih, Dato' Seri Menteri dan Dato' Sri KSU.

Saya berbalik kepada slaid yang dibentangkan iaitu perancangan jadual pelaksanaan iaitu penyerahan LCS1 pada tahun 2025. Saya boleh merujuk balik ketika lawatan pihak PAC ke Lumut dan kita naik tengoklah kapal-kapal yang sedang dibuat— bukan dibuat, sudah berhenti dibuat pun. Cuma, dari segi proses penelitian *progress* pembinaan itu, adakah pihak MinDef ada *technical team* ataupun ada pihak yang bebas melihat *progress* itu?

Dalam pembentangan BNS, disebut 44 *percent* yang telah siap. Namun, bagaimana 44 *percent* itu dikira? Masih lagi nampak yang ada hanya rangka di luar inilah. Komponen-komponen dalam itu termasuk pendawaian, *electrical* dan sebagainya itu nampak masih belum bermula.

#### ■1100

Jadi, soalan di situ, adakah pihak-pihak MinDef sendiri ada *team* untuk melihat *progress* ini? Untuk *clear* dan kita tidak mahu angka-angka ini berubah-ubah ya. Maknanya, kalau ada yang lebih tersasarnya, orang kata hanya letak sahaja berapa *percent* tetapi realitinya tidak begitu. Terima kasih. Itu soalan pertama saya. Sila.

**Tuan Pengerusi:** Ada apa-apa penjelasan daripada Dato' Sri?

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Sik berkaitan dengan soalan. Seperti yang kita dah maklumkan, kita pun dah laporkan dalam beberapa siri mesyuarat PAC ini dari segi status projek dan sebagainya. Contohnya, LCS1, kita dah hampir 60.74 *percent*, kalau berbanding 100 *percent*. LCS2, 48 *percent*. Kita memang ada satu projek *team* yang khusus yang *dedicated*, Yang Berhormat, untuk memantau dari segi *progress* pelaksanaan projek *team* inilah khususnya daripada *team* TLDM sendiri.

---

Jadi, memang ada *dedicated team*, tuan-tuan dan puan-puan, seperti projek-projek yang lain juga, Yang Berhormat ya. Bukan LCS sahaja. Jadi, projek-projek yang besar ini, kita ada *specialized team* yang memantau dari segi *progress* dan sebagainya, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Pengerusi, bukan sahaja pihak MinDef tetapi lebih penting *the end user* iaitu Tentera Laut Diraja Malaysia. LCS punya *ships* ini *is part of their policy* sampai tahun 2025 iaitu hendak mengurangkan kelas-kelas kapal daripada 15 kepada lima. Lima yang telah pun ditetapkan ialah LMS.

Jadi, *even if* MinDef kalau tidak betul-betul bersungguh-sungguh memastikan *delivery*-nya, *trust me, Navy Chief is here, TLDM will make sure that it is done*. Tidak mungkin kita akan bawa perkara ini kepada Jemaah Menteri atau hari ini kita boleh bentangkan kepada PAC kalau sekiranya saya sendiri tidak yakin *that we have within our team* ini *whether it is financial, whether it is technical, at least on the two ships* ini, *I think TLDM will be the one that most interested to make sure it is delivered. I can give the assurance*, saya beri jaminan peribadi saya sendiri bahawa *under my watch, I want to make sure that at least this is done*.

*We have mechanisms if they default in any of what they are doing with us, we can terminate the agreement.*

Tadi saya sebut juga mungkin kita boleh wujudkan satu jawatankuasa bebas untuk pantau apa yang telah pun dipersetujui dari segi hala tuju. Akan tetapi, *on the technical part, I know your concerns, whether Boustead can deliver or not*. Bukan sahaja MinDef tetapi TLDM juga akan memantau dan memastikan. *Because at the end of the day, they want the ships. I think* mereka yang paling rugi. *We hope that this penyelesaian will help TLDM to comply* dengan dia punya *defense strategy up to 2025, it will help protect the pencaurum, the LTAT, and then it will also protect the vendors and the veterans who rely on this project* untuk mencari makan *and to survive. So, that is the three stakeholders that Boustead will have to satisfy by getting the project done*.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Sebelum kita sambung, mungkin saya jemput Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman:** Saya ada sikit kaitan tadi.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Yang Berhormat Sik.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman:** Dato' Sri KSU, saya balik tadi di dalam *progress* pembinaan itu. Dalam lawatan kami itu, dilihat banyak lagi komponen-komponen yang belum dipasang khususnya yang berasaskan getah ini. Banyak lagi dalam stor yang dilihat itulah.

Cuma, disebut ada barang-barang ini, komponen ini yang telah dibeli sejak tahun 2018. Sudah pasti mereka sudah ada tarikh luputnya komponen-komponen yang berasaskan getah ini. Itu juga adakah ada penelitian di pihak MinDef proses pemasangan ini? Mungkin

---

kalau tidak selesai benda ini juga, mungkin akan ada lagi *lost* dari segi komponen-komponen yang kita telah beli yang sudah masuk dalam kos kita itu. Terima kasih.

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Yang Berhormat, itu sebab salah satu faktor kita hendak segerakan ialah untuk mengatasi isu-isu yang dibangkitkan Yang Berhormat juga. Jadi, dalam bila perancang kita *mobilized* semula projek ini, kita dah ambil kira dari segi *extension of the warranty* dan sebagainya untuk pastikan benda ini diambil kira, Yang Berhormat. Lagi lama kita *delay*, lagi lama ia akan merugikan dari segi isu-isu seperti yang dibangkitkan Yang Berhormat tadilah.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Tuan Pengerusi, sebagai tambahan ya. Dalam kunjungan kita ataupun dalam mesyuarat PAC yang kita adakan di Lumut, *it is obvious*, Dato' Sri ya, kepada kita semua, ada di sana pandangan-pandangan yang berbeza antara *project team* daripada TLDM dengan pembina kapal. Bila merujuk kepada punca-punca kelewatan itu— ini Panglima kena ambil perhatian ya— disebutkan bahawa antara punca kelewatan ini adalah *variation orders* (VO) yang dikemukakan oleh pihak TLDM yang menyebabkan kelewatan. Walaupun kita tahu bahawa VO ini penting— kerana masa berubah.

Jadi, kalau tahun 2007 dan 2011, sekarang dah tahun 2022, tentulah banyak komponen ataupun peralatan perang yang ada di situ mungkin sudah *outdated* ya. Orang dah jauh ke depan, kita masih menggunakan benda-benda yang kita tender 10 atau 11 tahun yang lalu. Jadi, saya harap TLDM kena *solid*-kan permintaan terakhir mereka supaya tidak lagi dijadikan punca kepada kelewatan-kelewatan ini.

Saya baru mengunjungi *Western Fleet Admiral* tiga hari lepas. *Concern*-nya begitulah ya, dari segi kecanggihan, dari segi *latest facilities*. Saya akur dan saya rasa kalau kita alang-alang hendak buat, biar betul-betul kita ini *ready* untuk berhadapan dengan musuh-musuh kita di laut sana. Kalau kita pakai teknologi ataupun peralatan yang lama, mungkin kita akan terjejas. Jadi, saya rasa kontrak itu di peringkat awal mungkin terbaik pada ketika itu tetapi masa telah mengubah suasananya.

Jadi, saya harap tidak lagi timbul lepas ini *variation* yang kerap berubah. Biar *solid*, berpandangan jauh. Saya yakin TLDM, saya tengok, profesionalisme TLDM dalam pembentangan di Lumut itu cukup tinggi. *They know what they want. They know what is happening in the peperangan di laut. So, they should be in the better position.*

**Tan Sri Laksamana Mohd Reza bin Mohd Sany [Panglima Tentera Laut]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. *Thank you for your confidence. I assure you that after this tidak lagi ada tukar-tukar. In fact, semasa kita buat pertukaran dulu pun atas faktor-faktor tertentu, bukannya kita fickle minded. That was never the case.* Sebagai contoh, salah satu peralatan yang ditukar itu disebabkan oleh masalah dengan pengilangan peralatan tersebut. Jadi, kita khuatir kalau kita tidak tukar dengan peralatan lain-lain, ia akan *jeopardize*,

melewatkan projek LCS kita. Oleh sebab itulah kita tukar. Bukan suka-suka hari ini nak cap ayam, esok hendak cap buaya. Tidak. Tidak begitu, Yang Berhormat. *Thank you very much for your confidence*, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Ya, terima kasih.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *At the same time*, Yang Berhormat, *just to inform PAC*, I have also initiated a link-up dengan the French Government berhubung kait dengan penyelesaian yang kita hendak cadangkan ini. *In fact, the Defense Minister, she was supposed to come to Kuala Lumpur last Sunday tetapi because of COVID-19 situation in France is quite bad, she herself is under close contact quarantine.* Akan tetapi, *over the phone, she has given me the commitment bahawa whatever we require the French Government to do to get the French punya OEM itukan— apa nama dia panggil?*

**Seorang Ahli:** *Naval Group.*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *Naval Group. They definitely have links. The French Government have got the link-up dengan Naval Group.*

■1110

Jadi, kalau sekiranya *it requires the political will— but we have to make sure we know where our hala tuju dahulu.* So, *she has indicated to me yesterday that she is planning to visit. Then kalau sekiranya kita sudah tahu dan sudah dapat Cabinet approval and the Navy pun sudah komited to what sort of end-product that you require, I think any variation with the French with regards to the technology to get this done, I have got the political commitment for what it is worth* daripada Menteri Pertahanan Perancis.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Yang Berhormat Permatang Pauh, saya jemput Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berbalik kepada penjelasan oleh CEO LTAT, Dato' Ahmad Nazim. Saya tertarik dengan perancangan *the corporate restructuring that you mentioned. Would it be possible* untuk beritahu kami *a bit more detailed?* Kalau ada perkara yang *private and confidential*, saya faham. *At least, for the purposes of PAC* apabila ditanya dan dari segi *expectation of the public*, kita boleh meneliti dengan lebih dekat. Ini kerana isu reformasi LTAT ini, saya rasa dibangkitkan *since 2019 by the then CEO.* So, *I am sure you have your work cut out for you.*

Akan tetapi, *if possible, just to understand a little bit more detailed* dari segi apa yang bakal diberikan sebelum dana diberikan. Akan tetapi, pada masa yang sama, *all the new introductory measures that you will implement to make sure that* tidak akan berulang dan *of course, to strengthen the whole organization. Thank you.*

**Tuan Pengerusi:** Okay, thank you.

**Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman:** Terima kasih, Yang Berhormat. *The whole objective of doing this corporate restructuring is entirely to save the entire group, either the*

---

*Boustead Group, and eventually LTAT. Because of the problems that I have mentioned earlier, the liabilities are more than the assets currently at BNS level.*

*So, you have got to take that problem out of the Group first and put it under different structure, as mentioned previously. It is to be placed under the special purpose vehicle, so that it creates that ring-fencing structure. Walaupun LTAT is taking over 100 percent of the SPV which owns 100 percent of BNS, the contractor of LCS, so that SPV structure will create that whole ring-fencing of LTAT Group. There are some mechanisms and documentations used to create that ring-fencing structure at the SPV level.*

*So, once that happens, the whole idea is to just focus on the debt restructuring, focus on the financial restructuring as well as the creditor negotiation at BNS level. So, that problem is now taken out of Boustead Group and is now becoming an entirely a very focus effort at BNS level.*

*So, with the solution package that has been alluded to earlier and to be presented to the Cabinet, so that the new funding or the additional— the remaining contract value that will be used to construct the two vessels will be partly utilised to settle the outstanding debt at the BNS level. So, once that happens, BNS will become a cleaner company, a clean balance sheet that will require BNS to focus on its effort to deliver the ship.*

*So, this really nothing private and confidential here. The financial information of BNS, because it is part of a public listed company, it is all announced and declared to the public through Bursa announcement, Yang Berhormat. Thank you.*

**Tuan Pengerusi:** *Okay, thank you. Mungkin saya jemput dua soalan terakhir. Yang Berhormat Kluang dan juga Yang Berhormat Sik. Selepas itu, saya akan jemput Dato' Sri untuk teruskan pembentangan dahulu dan soalan-soalan lain akan disusuli. Sila, Yang Berhormat Kluang.*

**Puan Wong Shu Qi:** *Terima kasih, Tuan Pengerusi. Soalan saya aju kepada CEO LTAT juga kerana tadi sebut bahawa kita akan guna baki projek sedia ada untuk membina LCS 1 dan LCS 2 dahulu. Selepas itu, bagaimanakah kita dapat dana untuk bina yang *remaining four* itu? Adakah kerajaan ataupun LTAT ada rancangan, TLDM ada rancangan untuk bagi projek lain kepada BNS membina ini? Supaya mereka boleh *sustain*. Terima kasih.*

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** *Terima kasih, Yang Berhormat Kluang. Dari segi berkaitan dengan perkara tersebut, seperti yang dinyatakan oleh Dato' Nazim tadi, kita akan menggunakan *the balance* itu dahulu, *about RM3.1 billion* itu untuk *complete the first two ships*. Seperti yang dalam slaid saya itu, saya ada nyatakan kita akan buat kapal ini secara berfasa *rather than* sekali hendak buat *one shot six* itu. Itu ada *problem* itu. Kita buat *complete* yang dua dahulu, *two plus two*.*

---

*Next slide, please.* Itu dua buah kapal... [*Merujuk pada slaid pembentangan*] *Two plus two plus two* sampailah keenam-enam itu akan siap nanti. Jadi, kita hendak fokus yang dua dahulu dengan menggunakan baki. *So that*, kita akan gunakan *part of the RM3 billion* itu *as a mobilisation fund to take off.* *Otherwise*, tidak boleh. Sekarang sudah *jammed*, Yang Berhormat ya. Jadi, akan gunakan.

*So, the rest* tersebut, ia akan ada beberapa elemen lagi berkaitan dengan *government soft loan, government loan* dan sebagainya, tuan-tuan dan puan-puan. Ada pakej ini dan kita akan ada— saya tidak beritahu *detail*-lah, tuan-tuan, untuk makluman hari ini. Fasal benda ini— ini maklumat Kabinet pun kita tidak sampai lagi. Yang Berhormat, kalau begitu, nanti ada maklumat yang terperingkat pula, *confidential or something*, saya tidak boleh hendak cerita. *Once* Kabinet sudah— *its already public paper* sudah nanti, kita akan *announce* oleh Yang Berhormat Menteri dan sebagainya, Yang Berhormat ya. Jadi, kita hendak fokus yang *RM3 billion* yang *balance* itu untuk *complete the first two ships* tersebut, untuk makluman Yang Berhormat.

Jadi, berkaitan soalan Yang Berhormat juga ada bertanyakan berkaitan dari segi— apa tadi itu, Yang Berhormat? Tentang kontrak atau apa tadi, Yang Berhormat?

**Puan Wong Shu Qi:** Adakah kementerian merancang untuk memberi kontrak lain...

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Oh ya, ya. Kontrak, Yang Berhormat ya.

**Puan Wong Shu Qi:** ...Supaya mereka boleh *sustain*.

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang syarikat BNS ini adalah memang berkaitan dengan kapal. *Deal* dengan *navy ship* pun hampir *RM1 billion something* pun *their job* yang sudah buat pun dari segi *refit*, dari segi *slipping*, dari segi berapa *maintenance* dan sebagainya kapal-kapal *navy* pun, untuk makluman Yang Berhormat ya. Jadi, ya, saya pun tidak menafikan juga, Yang Berhormat ya. Jadi, apabila BNS kita sudah *take over* dan sebagainya, *focus to complete the ship, at the same time*, kerajaan pun akan cuba bantu dari segi *maintenance* dan sebagainya kapal-kapal tersebutlah. Sekarang *all this while* pun, memang BNS yang buat pun, Yang Berhormat, untuk kebanyakan kapal di bawah pegangan daripada TLDM. Ia bukan satu— *theirs's core business.* *They have dockyards, they have shipyards* dan sebagainya. Tidak ada masalah.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Soalannya tadi ialah tidak ada kontrak-kontrak lain yang dicadangkan supaya *bail out* benda ini. *That is the question.*

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Oh...

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tidak ada cadangan?

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Tidak ada. Tidak adalah cadangan. Tidak ada, Yang Berhormat ya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman:** *Just to clarify...*

---



**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Sebagai komen sikit sebelum— sebab saya rasa kita pernah dengar dahulu bahawa antara penyelesaiannya adalah *to award BNS future project to cover for* yang ini, termasuklah juga *maintenance of TLDM ships, for a certain period of time*. Ada sudah disebut dalam mesyuarat kita ini.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Jika tidak silap saya, seingat saya, cadangan daripada BNS pada ketika itu adalah untuk satu kontrak penyelenggaraan 50 tahun atau 30 tahun bernilai *RM53 billion or something*. Akan tetapi yang dipersetujui pada ketika itu oleh MinDef adalah *around 10 percent of it, like three years*, dengan nilai tidak banyaklah. *So, that was what we were told during the site visit*.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *I think that is overtaken by events. When I took over leadership of MinDef, I didn't agree on that.*

**Tuan Pengerusi:** *That was in— I think after June last year, Yang Berhormat Menteri.*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *Ya, but September is when I started looking at it. Jadi, dua Cabinet paper yang dibentangkan ke Kabinet sebelum ini termasuk juga foreign companies to come and bail out and to look at other contracts, those are not realistic and practical.*

#### ■1120

Jadi *I think* kalau PAC wants to move forward, this is what is on the table right now. Jadi hendak *give more details* seperti apa yang dipohon tadi, penting sekarang saya hendak tunggu ulasan daripada EPU dan MoF dulu.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *Then after that, we need to discuss at the Cabinet level. Then we can back to PAC. No problem.*

**Tuan Pengerusi:** *I think on this point, memang pada mula-mula saya ada tanya penjelasan daripada Dato' Sri Muez kata berkenaan dengan MJM kedua sama ada ia masih berlakukah tidak and the answer is no. So, I think we move from there.*

*Last one*, saya minta Yang Berhormat Sik. Selepas itu Dato' Sri Muez boleh teruskan dengan pembentangan.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya balik kepada tadi isu *progress* pembinaan itu. Ketika lawatan, ada temu bual dengan pegawai TLDM. Disebut antara punca kelewatan itu adalah daripada segi koordinasi kerja di antara staf tempatan dengan daripada *France* daripada Naval Group. Disebut budaya kerja orang *France* ini dia kerja hanya empat hari seminggu. Jadi, dia tak sama dengan kita. *[Ketawa]* Jadi, itu disebut antara juga punca kerja-kerja kita itu terlewat ya. Tak boleh hendak *match* kerja itu. Jadi, mungkin ada maklumat daripada pihak Dato' Sri KSU berkenaan perkara ini?

**Tuan Pengerusi:** Sila pakai *mic*.

---

**Keptan Abdul Jamal bin Mohd Nasir [Ketua Pengarah Pasukan Projek LCS Tentera Laut Diraja Malaysia]:** Tuan Pengerusi, saya Keptan Abdul Jamal, Ketua Pengarah Pasukan Projek. Ya, memang betul, *French* memang ada minimum *hours*. So, basically kita terpaksa *optimize* dengan *working hours* yang dia ada. *Of course*, orang kita, kita tidak ada minimum *hours*, so kita akan bekerja dengan sepenuhnya. *That's why* kalau Yang Berhormat ada semasa di Lumut, kita sudah maklumkan *we have reached at 95 percent of the detail design compared to their is only 82*. *Of course, because we don't pay them, that's why they stop*. *But as it is now*, orang-orang kita sebenarnya *work more hours than them*. *It is true*. *I think* sama juga Ahli-ahli Yang Berhormat juga, *I think you work more hours than the French*.  
[Ketawa]

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *See, they work more hours than us. The French. You better clarify.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Saya jemputlah mungkin Dato' Sri KSU untuk teruskan pembentangan berkenaan dengan cadangan hala tuju. Kita baru habis *corporate restructuring* dan mungkin penjelasan perlu dalam pelan pemulihan. Dipersilakan.

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya teruskan dengan butiran yang kedua iaitu pelan pemulihan projek. Saya telah maklumkan tadi, kita akan rangka, kita akan rancang supaya kapal ini dapat disiapkan guna kaedah secara berfasa iaitu perlu siapkan yang dua, kita akan *continue* kapal yang ketiga dan keempat dan seterusnya. Semua berjalan lancar, kita akan teruskan yang kelima dan keenam. Maknanya berfasalah. *Two plus two plus two, all total six* kapal, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kerajaan berhak membatalkan kontrak— kita akan masukkan dalam Kertas Jemaah Menteri tersebutlah. Sudah masukkan pun cadangan kita, kerajaan berhak membatalkan kontrak atau mengurangkan skop. Penyiapan *detail design* diberi keutamaan seperti mana yang dimaklumkan oleh tim projek, Keptan Abdul Jamal tadi. Kita akan siapkan *detail* itu, *the most important thing*. Itu sebab kita hendak memerlukan *mobilization fee* itu untuk *continue*, hendak bayar. Seperti kita maklum, kita tak bayar vendor Naval Group dan sebagainya. Itu kena kita buat supaya kita dapat *detail design, complete* kan.

Pemantauan akan dilaksanakan oleh— itu adalah cadangan kitalah. Cadangan kertas itu, *insya-Allah*, akan diluluskan. Jawatankuasa khas, *very independent* punya *committee*, *will be chaired by* Tan Sri KSN. Itu ya, Yang Berhormat. Bukan KSU MinDef lagi tapi KSN. *High level* lagi. Saya, Tan Sri PATL, *insya-Allah*, akan jadi *part of the committee*, untuk makluman.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Ini cadanganlah.

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Cadangan kitalah.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Belum *approve* lagi.

---

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Belum lagi. Itulah cadangan kita, Yang Berhormat ya, pelan pemulihan projek tersebut. Boleh saya teruskan, Yang Berhormat?

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila, sila.

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Daripada implikasi kewangan, dua tahun pertama akan menggunakan baki projek yang sedia ada itu, untuk makluman Yang Berhormat ya. Tambahan kos projek bergantung pada prestasi syarikat dalam melaksanakan LCS 1 dan LCS 2.

Jadi, saya tak boleh hendak buat komitmen lagilah, Yang Berhormat, berapa lagi dan keperluan— *of course definitely* akan ada tambahan keperluan untuk menyiapkan kapal-kapal tersebut. Saya tak nak beritahu *detail* dalam hal ini. Cuma, kita daripada segi VO dan sebagainya itu masih ada lagi *outstanding*, untuk makluman Yang Berhormat, yang tidak dapat lagi dimuktamadkan sebelum-sebelum ini. Memang ada keperluan untuk kita *consider*, untuk kita tengok daripada segi *variation order* dalam pembinaan kapal ini.

Jadi, pembayaran kita cadangkan, Yang Berhormat Menteri, kita akan bayar terus kepada OEM, vendor. Maknanya tak ada hendak pihak-pihak yang lain. Jadi, kita akan bayar. Itu pun Ahli-ahli Yang Berhormat PAC pun kita pernah maklumkan seperti dalam Kertas Jemaah Menteri pada 5 Mei pun ada komponen tersebut. *Insyallah*, selepas ini kita akan terus bayar kepada *provider, supplier* dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Dato' Sri KSU, ada beberapa soalan daripada saya.

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Nombor satu, so maksudnya bagi implikasi kewangan, kita sekarang projek RM9.128 bilion, yang telah dibayar lebih kurang RM6 bilion, yang tinggal RM3 bilion bagi projek ini.

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Betul.

**Tuan Pengerusi:** Sama ada apa yang tertera di sini bermaksud yang baki RM3 bilion itu akan digunakan untuk pembinaan atau melaksanakan dan menyiapkan LCS 1 dan 2? *So would the RM3 billion be use for LCS 1 and 2?* Akan digunakan?

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Ya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** *Confirm* ya?

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey, itu sahaja.

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** *Insyallah*. Saya tak boleh *confirm*, Tuan Pengerusi. Ia subjek kepada keputusan Jemaah Menteriilah.

**Tuan Pengerusi:** Ya, okey. So dalam MJM ini, *this is what was proposed?* Okey, faham.

So, mungkin lanjutan soalan, saya ajukan kepada pihak LTAT. Semasa prosiding *site visit*, saya ada tanya satu soalan kepada BNS. Saya tanya sekiranya apa-apa pembayaran

---

daripada kerajaan selepas ini dibayar terus kepada OEM ataupun vendor, sama ada BNS mempunyai keupayaan kewangan sendiri *to manage the cashflow and so on*. At least walaupun pembayaran akan dibuat tetapi ia akan dibuat terus kepada vendor. So, BNS will not get any money. Would BNS still be able to manage that situation. That time, we were told it will be very hard also for BNS. So, what is the comment from Dato' CEO?

**Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman:** *I think first and foremost, part of the restructuring proposal for BNS is to address the cashflow issue. That is essentially the problem— I mean the main problem why this issue of delivery arises now. It was essentially a cashflow problem. The cash inflow coming from the project budget was utilized for other purpose particularly on the repayment of the previous loans. So, part of the restructuring is to address the financial management. So, that will be the focus because there are no issues with the technical capabilities at BNS.*

*So, our solution will address those financial management issues which means that whatever cash inflow coming will be monitored by special committee only for the purpose of utilizing those project budget for delivering the ships including the repayment of staff and all that.*

**Tuan Pengerusi:** *Okay, Dato', maybe we just put in more layman term. Of course, the vendor and the OEM, we need to pay them.*

**Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman:** *Yes.*

**Tuan Pengerusi:** *Ada yang outstanding, ada yang belum— I mean the work progress belum sampai, then you have to pay in future. So, that RM3 billion will be utilized to pay that. So, masalah sini adalah for BNS themselves, of course eventually will come after LTAT to have a cashflow to get the works going. So, where you get the money from? Because, the money from the government will never be paid to LTAT or BNS. That would be paid directly to the OEM and vendor. So, is LTAT going to fund or to inject your capital or your investment into BNS in these restructuring?*

■1130

**Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman:** *There is no additional funding from LTAT at all. Based on our calculations, the remaining contract value of RM3 billion is sufficient to cover the current outstanding liabilities. There is about RM800 million of outstanding liabilities currently with creditors which means the OEM, the vendors, the suppliers, and the other RM700 million is the outstanding loan with the bank. So, in total is about RM1.5 billion. And this is part of the project cost. So, for the purpose of delivering the two vessels, the remaining contract value of RM3 billion will be sufficient to cover both the outstanding liabilities as well as the future cost for delivering the two vessels.*

**Tuan Pengerusi:** *So, the future cost will be paid to whom? Will be paid directly to the bank or will be paid to BNS?*

---

**Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman:** *Based on the current solutions we are proposing, that will be paid directly to OEM.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Itu saya cadangkan tadi kalau boleh diberikan perancangan *the corporate structuring* itu *in writing to us, it is easy*. Kalau apa pun, kita boleh rujuk. Saya tahu selalunya Memorandum Jemaah Menteri tidak boleh diberikan. *I have asked before in the past. But at the least, as you stated, kalau boleh diberikan in black and white stated clearly the SPV will take up the bulk of the liabilities, then it is easier for us to see what you are planning to do with the money that will be given. Is that possible?*

**Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman:** Yes, yes.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Thank you.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *I think I can agree on that also tetapi let us get through the Cabinet punya itu. Once Kabinet sudah decide...*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Get the punca kuasa sorted.*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *...And then before we actually roll out any more money, we will prepare for PAC. That is fair-lah.*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Belum.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Lumut dan Yang Berhormat Kluang.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Dato' Seri. Kalau kita mengambil perkiraan hendak menyiapkan *another 52 percent of LCS 2 and 20-odd percent of LCS 1* dengan segala hutang selepas ini, kita akan berbelanja RM3.1 billion. Dua buah kapal akan berlayarlah ya.

*Now, we have another four kapal and one of them is at zero percent.* Dua kapal belayar dengan RM9 bilion. Empat buah kapal ini agak-agak berapa bilion ya? Walaupun terlalu awal ya— kerana siri PAC *meeting* ini banyak lagi. *What is the lesson learnt here?*

Jabatan Audit Negara menegur. Yang menjadi asas kepada PAC punya *investigation* ini ialah Jabatan Audit Negara menegur kaedah pembangunan kapal ini dan *progress*-nya, ikut *progress*-nya itu. Ada yang mencadangkan supaya siap sebuah kapal, buat kapal kedua, buat kapal ketiga. Akan tetapi, BNS memilih untuk membuat secara serentak. Jadi, semua *percentage* itu termasuklah membeli barang-barang untuk kapal keempat dan kelima yang entah bila akan bermula, barang itu sudah ada. Begitulah kita difahamkan.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Ya, TV. TV untuk kapal itu sudah siap sudah *and* TV itu agaknya TV plasma tapi sekarang orang sudah pakai entah apa-apa lebih canggih ya. Jadi, saya sudah order untuk Pejabat Khidmat Parlimen Lumut beberapa buah TV itulah, bagi kami lah. *[Ketawa]*

---

So, *anyway*, apa yang kita hendak belajar? Adakah apa yang disarankan oleh Jabatan Audit Negara itu boleh kita *review* balik? Mereka mencadangkan supaya tidak mengikut fasa seperti yang dibuat oleh BNS membina serentak itu. Kerana empat buah kapal lagi hendak dibuat. RM9 bilion sudah habis untuk dua buah kapal. Jadi, Yang Berhormat Menteri Kanan kena tengok betul-betullah macam mana kita hendak buat begini.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *Insyah-Allah.*

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Saya yakin sebagai Menteri Kanan, semua kertas MJMnya lulus. Jangan takut.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Saya akan cuba sedaya upaya setakat mana yang saya mampulah. Akan tetapi, *the alternative* kita cakap sekarang ini ialah dua, tetapi apabila saya masuk MinDef hari itu, *it is either* dua *at first or none at all. I mean you have spent how many billions already*, tidak ada satu pun. Jadi, sekarang ini *we want to get as best as we can*-lah ya.

Kita mula dengan dua ini dahulu dan, *insyah-Allah*— bukan sahaja dari segi bekalan kapal di bawah tanggungjawab yang saya terpaksa pikul tetapi juga ialah pencarum dalam LTAT, vendor-vendor yang *small vendors* yang *rely on this project to survive*, veteran-veteran kita dan keperluan TLDM sendiri supaya, *like I am saying*, apa yang kita bentangkan kepada PAC, *subject to Cabinet punya approval, at least we have a plan for at least two first.*

*Then* keduanya, *we have the jobs of the vendors, the SMEs and our veterans can start. We can relook* balik, *so that they can survive. Then, the morale of TLDM* sekurang-kurangnya daripada tidak ada harapan langsung untuk mendapat enam, mungkin *now they have got some hope to see at least the two.*

Jadi, *these are the positive things, and that we did in five months* yang kita buat ini. Jadi, apa yang kita bentangkan kepada PAC ini yang terbaharu oleh MinDef, TLDM, ATM, Boustead dan LTAT. *But I am not saying it is an easy route. Let me get through the Cabinet first-lah and let me wait until we are— I am quite curious to see what MoF and EPU are going to say.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih.

**Puan Wong Shu Qi:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya sahaja hendak mendapatkan *clarification* from CEO LTAT kerana tadi disebut bahawa RM800 juta untuk pembayaran kepada *creditor* hutang OEM itulah dan RM700 juta untuk *bank loan and remaining* RM1.5 bilion itu adalah untuk menghabiskan dua LCS. Adakah ini betul? RM1.6 bilion, bukan? Kerana sekarang baki adalah RM3.1 bilion.

**Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman:** Ya. *The remaining contract value* ada RM3 bilion yang akan kita gunakan sepenuhnya untuk *delivery of the two vessels. Part of the project cost too is the repayment of the outstanding liabilities*, hutang yang kita belum bayar tetapi ia

---

adalah sebahagian daripada kos projek. So, ia bukan kos yang berasingan RM1.5 bilion. Cuma kita perincikan dari segi *the total project cost* untuk dua buah kapal ini dan kita perincikan ia termasuk RM1.5 bilion ini adalah dalam bentuk hutang kepada OEM dan *suppliers* dan juga selain itu adalah hutang dengan bank. *Of course, the entire project cost* itu termasuk *the future payment to be made to OEM and suppliers is about RM1.5 billion*.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Beaufort, , sila.

**Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun:** *Last* ya. Dato' CEO, saya hendak bertanya, *you are confident that the RM3 billion is sufficient to complete two ships?*

**Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman:** *Based on our calculation, yes, it is sufficient.*

**Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun:** *Okay, that is good.*

**Tuan Pengerusi:** *Okay, thank you.* Yang Berhormat Sik, sila.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya kepada CEO LTAT. Dalam prosiding di Lumut, disebut oleh BNS dalam aliran kos projek ini, RM400 juta telah digunakan oleh BNS untuk membayar hutang lapuknya dan tidak digunakan untuk persiapan kapal ini. Jadi, adakah ini benar ataupun macam mana?

**Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman:** Ya, ini kos lama yang terpaksa ditanggung apabila BNS menandatangani kontrak untuk LCS pada 10 tahun yang lalu. Sebahagian daripada kos yang terpaksa ditanggung adalah hutang lama yang diambil alih sebelum ini.

**Tuan Pengerusi:** Itu untuk projek LMS, bukan? *Or NGPV?*

**Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman:** *NGPV project* ya. So, dua hutang berkaitan dengan NGPV yang terpaksa ditanggung oleh BNS iaitu yang mengakibatkan adanya masalah dengan aliran tunai di BNS.

#### ■1140

**Tuan Pengerusi:** Okey, saya jemput Dato' Sri KSU untuk teruskan.

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sudah habislah slaid ini rasanya. Pertambahan kos projek bergantung kepada prestasi. Jadi, *complete first two ships* dan seterusnya.

*Next.* Perancangan jadual, Tuan Pengerusi. Kita beri bayanganlah, Yang Berhormat, cadangan. *Insya-Allah*, Kertas Jemaah Menteri ini setelah dapat ulasan yang positif dan sebagainya, kita akan angkat ke Mesyuarat Jemaah Menteri Mobilisasi Pelan Pemulihan Projek, titik keputusan untuk LCS 1 dan 2. Itu kita jangka *first ship* itu tahun 2025, Yang Berhormat, kita boleh siapkan.

Maknanya yang kedua, tahun 2024— okey, kita *start* dahulu tahun 2024, titik keputusan untuk LCS 3 dan 4. Jadi, penyerahan untuk LCS 1 pada tahun 2025. Seterusnya tahun 2026, penyerahan LCS 2 dan 3, titik keputusan— maknanya *once* dah serah 3, kita

akan fikir titik keputusan LCS 5 dan 6 serta seterusnya, Yang Berhormat, sehingga tahun 2028 yang kita cadangkan kita akan *complete* keenam-enam buah kapal tersebutlah. Semuanya tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri, Yang Berhormat. Kita *target*.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya. Terima kasih KSU. Kita perhatikan jadual pelaksanaan inilah, memang sebelum ini kita dimaklumkan bahawa sekiranya projek ini diteruskan, memang penyerahan LCS 1 seawal pun akan diserahkan pada tahun 2025, *which is I think* lima tahun di belakang jadual asal iaitu dari tahun 2020 atau 2019. *So*, itu satu.

*So*, isu berkenaan dengan teknologi yang *obsolete* itu, *how is MinDef or TLDM going to handle?* Sebab, apabila LCS 1 perlu diserahkan pada tahun 2019 atau 2020, teknologinya adalah pada masa itu dan sekarang telah pun mengalami satu kelewatan sekurang-kurangnya lima tahun.

*You know, technology changes every day, improving every day. Are we expecting to get LCS 1 in 2025 with technology backdated way back to like 2018 or 2019? How is TLDM dan juga MinDef going to address and handle this issue? Of course, TLDM is the end user.*

**Tan Sri Laksamana Mohd Reza bin Mohd Sany:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa PAC, kalau boleh dengan izin saya cuba jawab soalan tersebut.

Soalan itu berkenaan dengan isu *obsolescence*. *Obsolescence* ini bukanlah satu perkara yang baharu, bukan hanya *applied to* LCS tetapi juga kepada kapal-kapal yang sedia ada di dalam *inventory* TLDM. Akan tetapi, khusus bagi LCS kita yang kita jangkakan *by the time* kita dapatkan kapal-kapal ini, mungkin sebahagian daripada peralatan akan menghampiri jangka hayat *obsolescence* terutamanya elektronik. Bukan mekanikalnya, Yang Berhormat. Seperti mana Yang Berhormat semua tahu, elektronik ini macam *handphone* kita pun, beli hari ini, *six months later* sudah *obsolete*. *So*, elektronik pun sama juga.

*Obsolete* ini yang menjadi isu kepada kita, pengguna, TLDM adalah apabila ia tidak *supportable*, baru ia jadi isu. Kalau setakat teknologi lama tetapi *still supportable*—*handphone* saya ini sudah lama, Yang Berhormat, tetapi masih okey lagi, saya pakai. Boleh pakai. Akan tetapi, bila *no longer supportable*, *spare part* tidak ada, *then* boleh jadi masalah.

Jadi, apabila perkara sebegitu berlaku, apa yang TLDM ataupun mana-mana agensi kerajaan boleh buat adalah melakukan *service life extension programmes* yang mana peralatan-peralatan yang berkenaan, peralatan yang *obsolescence* tersebut dibuat penggantian. Itulah salah satu kaedahnya bagaimana kita mengatasi isu *obsolescence* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Saya harap penerangan saya memuaskan hati Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Mungkin saya ajukan soalan lanjutan saya kepada Dato' CEO LTAT berkenaan dengan isu *obsolescence* ini. *So*, sama ada isu ini— *I think for sure* isu ini akan juga membawa impak ke atas kos yang akan terlibat dalam projek ini. *So*, apa komen daripada Dato' CEO LTAT berkenaan dengan ini, *on the obsolete part and so on?*

---



*Of course, if you want to upgrade any of the parts, you may need to have VO and so on. So, would it add up to the eventual cost that needed to be paid by BNS or LTAT?*

**Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman:** Ya, dalam unjuran kewangan yang kita buat termasuk aliran tunai, kita sudah mengambil kira faktor-faktor inilah dalam kita buat unjuran itu. Jadi, sekali lagi saya sebutkan, tidak ada apa-apa dana tambahan daripada LTAT kerana kita sudah masukkan semua faktor ini di dalam unjuran kita. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Ya, silakan Yang Berhormat Lumut.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Ya, terima kasih Dato' Sri KSU. Saya hendak minta penjelasan sedikit. Tulisan merah ini. *[Merujuk pada slaid pembentangan] "Titik keputusan untuk LCS 1 dan LCS 2." I presume titik keputusan itu ialah when you make a decision. Betul ya? Dalam kes titik keputusan LCS 1 dan LCS 2 ini ialah keputusan MJM begitu? What does "Titik keputusan" means here?*

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya katakan tadi, kita akan laksanakan secara berfasa, Yang Berhormat. Jadi, kita akan *decide* selepas keputusan— contohnya kolum yang pertama tersebut... *[Merujuk pada slaid pembentangan]* Apabila kita dapat mandat, dah dapat kelulusan dan sebagainya, kita akan mula merancanglah macam mana kita untuk *way forward*, tuan-tuan. Maknanya ini merupakan satu rangka kerja, Yang Berhormat, untuk kita *move forward*. Kita akan tetapkan yang *first* sekali untuk LCS 1 dan 2 dan dijangka penyerahannya pada tahun 2025.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Ya, betul, Dato' Sri. Yang kedua itu, tahun 2024, baru titik keputusan untuk LCS 3 dan 4. Jadi, *at this point in time, we will not make any decision until 2024 on the issues of LCS 3 and 4.* Betul atau tidak?

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Tidak. *This... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *Mic, please.*

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Kita tak boleh tunggu maknanya bila sudah *deliver* PHO atau penerimaan kapal tersebut barulah kita hendak merangka. Maknanya tahun 2024, *we have to decide* sudah *way forward* untuk LCS 3 dan 4. Maknanya ia tidak boleh ada *vacuum*, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Betul. Itu yang saya katakan tadi...

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Itu gerak kerja kita secara detillah, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Ertinya, lagi dua tahun, *we will not decide on LCS 3 and 4.* Jadi yang *whatever* MJM ataupun keputusan kerajaan pada hari ini atau beberapa ketika ini, ia hanya untuk dua itu.

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Ya, dua itu.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Yang selebihnya, kita katakan tidak ada *decision* lagilah? Untuk LCS 3 dan 4. Tentulah LCS 5 dan 6 lagilah *out*.

---

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Berfasa. Makna, kita akan tengok— semua nak siapkan enam, Yang Berhormat, tetapi daripada segi hendak *mobilise fund* dan sebagainya itu, kita akan fokus untuk siapkan LCS 1 dan 2. Bukan kita hendak lupakan LCS 3, 4, 5 dan 6 itu. Sebab, dalam jadual perancang itu, ia termasuk— maknanya program ini akan mengambil masa bila keputusan dibuat, sama lebih kurang 83 bulan, Yang Berhormat, untuk sampai, *insya-Allah*, tahun 2028 kita sudah dapat *complete*.

Tan Sri PTL, mungkin hendak tambah sedikit.

**Tan Sri Laksamana Mohd Reza bin Mohd Sany:** *Assalamualaikum* Yang Berhormat. Kalau saya boleh— saya cuba tambah sedikit. Titik keputusan untuk LCS 3 dan 4 itu pada tahun 2024 berlaku apabila kapal LCS 1 dan LCS 2 telah selesai melaksanakan *sea acceptance trials*. Jadi, kenapa kita buat begitu ialah supaya kita ada *confidence*. Biasanya bila kita buat *ship building* ini, apabila sudah sampai peringkat *sea acceptance trial* itu, *you are very confident that you're going to do the next one*-lah *which is* penyerahan LCS 1 pada tahun 2025.

So, kalau kita tengok di situ... [*Merujuk pada slaid pembentangan*] Tahun 2024, bahasa Inggerisnya, *decision point* untuk *LCS 3 and 4 is when LCS 1 and 2 is already undergoing the harbor and sea acceptance trial*, Yang Berhormat.

■1150

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Cuma, *decision point* LCS 3 itu, tentang mana hendak dapat duit atau cara pembiayaannya, *we will never know until at that decision point*, betul?

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Jadi, kalau bab kewangan, Yang Berhormat, dalam *paper* ini Yang Berhormat, kita sudah maklumkan kita akan guna RM3 bilion baki untuk LCS 1 dan 2. Akan tetapi di samping itu juga, saya tidak boleh hendak *disclose* lagi yang *detailed*, Yang Berhormat, sehingga ada keputusan Jemaah Menteri. Fasal saya kata tadi, ada elemen berkaitan *government support loan* dan sebagainya untuk membiayai *financing* ini untuk melengkapkan yang enam kapal ini dan juga berkaitan dengan pertambahan dari segi VO yang sebelum ini pernah dibangkitkan berkaitan dengan beberapa perkara tersebut. Saya tidak dapat hendak *detail*-kan di sini, Yang Berhormat. Ia ada melibatkan VO berkaitan lebih kurang RM2.6 bilion dan sebagainya, Yang Berhormat. Kos ini akan ada tambahan, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *Just for my own clarification*-lah ya. Titik keputusan untuk LCS 1 dan LCS 2 ini sudah buat atau tidak? Belum, bukan?

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Belum lagi.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Tunggu MJM, bukan?

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Selepas...

---

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Ertinya, lain-lain keputusan yang merah-merah itu pun menunggu satu keputusan seperti sekaranglah. Jadi, sekarang ini kita tidak adalah apa-apa maklumat yang kita boleh tahu tentang titik keputusan LCS 3 dan LCS 4 ini.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Ini yang kita bentangkan ini perancangan kita, hala tuju. Jadi, seperti apa Tan Sri PTL sebut tadi, tahun 2024, maknanya kita sudah ada dua tahun selepas keputusan LCS 1 dan 2 untuk tengok kemampuan Boustead untuk menunaikan komitmen mereka kepada kita. Akan tetapi, *we don't wait until 2025 to start looking at LCS 3 and 4*. So, bila sudah *sea acceptance trial* punya *period which we expect to be in 2024*, seperti apa PTL sebut tadi, *we can start beginning to look at LCS 3 and 4*.

Akan tetapi, *no point* kita tengok *LCS 3 and 4* if apa yang dijaminan kepada MinDef oleh Boustead, *end user* dan sebagainya, dapat dipenuhi untuk dua ini dahulu. Jadi, dari segi mendapat keputusan, ia banyak bergantung pada Jemaah Menteri. *And then, we proceed based on certain commitment*, jaminan kepada kerajaan dan kepada MinDef dan juga kepada TLDM. *Then, in 2024* ini, kita sudah tengok *sea acceptance trial* for at least for— *LCS 1* ya? [Merujuk kepada pegawai] *So, LCS 2 only in 2026, is it? Or 2024* sudah *sea acceptance trial* for both *LCS 1 and 2*?

*But the cut-off period is bila sea acceptance trial-lah. So, this is where we feel that that is the best time we start looking into 3 and 4 because* saya tak— bukan nak kata tak yakin, tetapi *I want to see the commitment* tadi. Kalau *the French only work four days a week, how are you going to get the things done by 2024?* [Merujuk kepada pegawai] *But that is not my problem.*

*This is* komitmen Boustead dengan LTAT. *They want us to save them.* Kalau kita tidak selamatkan mereka, *they all will be in big trouble*. Akan tetapi pada masa yang sama, kalau mereka hendak komitmen kita untuk selamatkan LTAT dan Boustead, *they have to really work hard to make sure that you deliver what you promised. That's why* kita ada *mechanism* kalau dia gagal, kita boleh tamatkan *dan-dan* masa itu juga. *But hopefully for the Navy's sake-lah, dengan percentage* yang sudah *complete for LCS 1 and 2, that one* saya agak rasa *light at the end of the tunnel, to clear my conscience, to pass it to the Chief.* You hendak tambah *Chief*?

**Tan Sri Laksamana Mohd Reza bin Mohd Sany:** Tahun 2024 itu *is actually harbor acceptance trial* for *LCS 1 and LCS 2*. *We should have completed that already. So, by that time, we have a greater level of confidence that we can continue with 3, 4, 5 and 6-lah.* Itulah, Yang Berhormat. [Disampuk] *Harbor acceptance trial.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, Yang Berhormat Menteri dan juga Dato' Sri KSU. Okey, secara keseluruhan dalam kes ini, kita nampak pada mulanya sebanyak RM9 bilion untuk projek untuk menyiapkan enam buah kapal LCS. Kita kira dengan satu matematik yang

---

mudah, lebih kurang sebuah kapal LCS lebih kurang RM1.5 bilion. So, enam buah, sebanyak RM9 bilion.

Sekarang sekiranya cadangan ini diterima oleh pihak Kabinet dan dilaksanakan, *of course all the parties will hope that at least something comes out from the project eventually.* Akan tetapi, apa yang saya nampak juga kebimbangan saya di sini ataupun apa yang sakit hati di sini adalah *we are still going to pay another RM3 billion* untuk menyiapkan dua buah kapal LCS lagi. LCS 1 dan LCS 2. Maksudnya *at the end of the day*, RM9 bilion itu digunakan untuk membina dua buah kapal LCS dan setiap satu akan memakan kos RM4.5 bilion.

Kita tidak pasti sama ada LCS 3, LCS 4, LCS 5 dan LCS 6, berapa kos lagi akan ditanggung oleh pihak kerajaan. *What we can see now is* kesemua pihak *try level best* dengan bajet yang sedia ada RM9 bilion untuk siapkan dua buah. *I think of course MinDef, when we come into this situation, everyone does not have a perfect answer or does not have a perfect option for it. This one we fully understand.*

Cuma saya hendak tanya kepada pihak LTAT. Apabila kita berbincang dengan *balance* atau baki sebanyak RM3 bilion itu, bolehkah untuk penyiapan LCS 1 dan LCS 2? *Of course* RM3 bilion itu sepatutnya siling, tetapi kesemua pihak hendaklah mengambil satu sikap yang lebih berhemah kerana *we know* daripada RM3 bilion, sebanyak RM1.5 bilion akan digunakan untuk membayar *OEM vendor and we will have another RM1.5 billion left. If we are going to tell the people out there* bahawa RM3 bilion ini adalah untuk menyiapkan dua kapal itu, *I think to certain extent, it is a little bit ridiculous-lah.* Sepatutnya RM3 bilion sudah boleh buat dua buah kapal dari zero. *Now, LCS 1 pada 63.77 peratus, LCS 2 pada 60.39 peratus. There is only a lacking of like 40 percent and we are going to use RM3 billion.*

*So, I think* dalam penggunaan baki RM3 bilion itu, LTAT perlulah lebih berhati-hati dan bersikap lebih cermat kerana *RM3 billion ceiling doesn't mean that you have the right to actually use up all the RM3 billion for your LCS 1 and LCS 2. Whatever can jimat, have to jimat. I think that is what the expectation out there.* Itu satu.

Nombor dua juga, bagi pihak MinDef, saya tidak pasti apa yang akan berlaku pada tahun 2024 yang mana *whether MinDef will inject more cost on LCS 3, LCS 4 or not. Of course* LCS 6 is zero bagi progress-nya. Sama ada apabila kita sampai tahap sana— *I think MinDef to certain extent also need to be very firm on the contractor here, either BNS or eventually LTAT. After the contractor* telah menyiapkan kedua-dua LCS 1 dan LCS 2 *have to be— I mean need to be more— need to show that you can berdikari and you can sort out the matter on your own.*

*So, of course government may need to pump in certain money eventually but if there are another few billions being pumped in, I think that would be a big issue eventually. So, that is my point. Any comment from the CEO?*

---

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Pengerusi, *I think your point is fair and* bagi pihak MinDef, *as long as I'm still there-lah, I give you the commitment that enough water under the bridge. There is only a certain amount of money left that we have to save this project. There is no way that we are going to allow— if you are worried about ketirisan, we are worried about* tak berhempah dalam menyelesaikan kedua-dua ini.

■1200

*Once we get everybody's approval, then we start. I am already looking, with what we have, how we can expand the money we have, without getting more, in the other four.* Akan tetapi, *it might be a little bit premature at the moment because yang kita hendak tengok ialah sekurang-kurangnya dua ini dapat. Then, I will give you my assurance* bagi pihak MinDef *that I will be breathing down LTAT and Boustead's neck.* Dia angguk itu maknanya dia setuju lah itu.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Setuju itu. Saya rasa di Lumut juga kita diberi satu *comparative cost of building ship at BNS and* satu lagi— di mana ya? UAE atau Qatar? *And another place. Was it...*

**Seorang Ahli:** Cairo.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *Cairo, Egypt and* ada dua tempat. Harga yang dalam kontrak kita itu hampir sama dengan yang di Arab ya. Mereka dah *deliver.* Jadi, itulah timbul persoalan di PAC ini, *what went wrong?* Itulah sebenarnya. Lari jauh itu. Sebab, harga itu sama dengan harga yang dibuat oleh negara lain. Kapal jenis ini, jenis LCS ini.

Jadi sekarang ini, seperti yang disebut oleh *Chairman* tadi, *effectively* RM1.5 bilion menyiapkan dua kapal yang sudah *60 percent over.* *Is it a correct calculation or there is a heavily increase in price of whatever cost of whatever things to come?* Ini kerana dah *70 percent and 60 percent* ya, *which* kalau *you convert into* ringgitnya, dua-dua itu tidak sampai pun RM1.5 bilion. Kalau ikut harga asallah setelah tolak *bank loan*, setelah tolak OEM tadi, *effectively* untuk dua kapal ini ialah RM1.5 bilion atau RM1.6 bilion. *So, isn't that a bit too costly?* Harga asal pun RM1.5 bilion *and* RM1.6 bilion *is totally new* kapal *starting from zero.* Itu sahaja.

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Yang Berhormat, berkaitan dengan RM3.1 bilion yang digunakan itu, kita tidak boleh tengok, *let say*, berapa *progress*-nya sekarang ini. Kita kena tengok dari segi keseluruhannya, Yang Berhormat. Dari segi seperti yang dimaklumkan Dato' Ahmad Nazim tadi, kita ada komitmen dengan OEM. *Total about 164 OEM* yang kita kena *take care* dari segi— dan juga dari segi *facility* kewangan yang kena— *otherwise*, kita tidak boleh *take off.* Kita tidak boleh tengok dari segi Yang Berhormat kata tadilah, *“Oh, ada 40 percent lagi”.*

Akan tetapi, *in order to start otherwise—* dulu dah *start* dah, Yang Berhormat, tetapi sekarang ini kita hendak *start because of* beberapa kekangan dengan OEM, dengan Naval

Group, dengan bank *facility*. *Otherwise*, kalau kita tak *address the issue of the financing* ini, *they will collapse probably the whole government punya banking system* dan sebagainya, Yang Berhormat.

Jadi, benda itu, ia lebih— tetapi *address* perkara-perkara tersebut, kita dah *address*, Yang Berhormat, dengan Yang Berhormat Menteri ada nyata yang jawatankuasa ini dah masuk, audit dah masuk, SPRM. *At the same time, we address these separately*, Yang Berhormat. Kalau ada isu yang berkaitan dengan integriti dan sebagainya, *they will give fully cooperation*, Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak perlu hendak bangkit benda itu. Kita dah *address* dah. Perdana Menteri pun dah cakap dah.

Kalau ada kita hendak *compare* dengan *Egypt*, okey. *Otherwise*, kalau Yang Berhormat hendak bangkit itu, kita hendak *back*— maknanya kita hendak patah ke belakang balik ini. *It's not an option* lagi, Yang Berhormat. *We have to continue with the ships. We must make sure the ships* ini siap. Dan RM3 bilion itu, kita dah ada dari segi pecahan, Yang Berhormat. Betul, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Memang dah ada dah. *That is why I* tidak kata RM3 bilion. Kata RM1.6 bilion setelah tolak yang lain-lain itu— bank dengan OEM itu. RM1.5 bilion itu pun *should be able to handle not just the two but some extra for the three and four*.

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Kita akan tengok *costing*-nya balik, Yang Berhormat. Macam Yang Berhormat Menteri kata tadi, ia tidak *final* lagi. Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman:** Tuan Pengerusi, sikit mungkin pertanyaan kepada Yang Berhormat Menteri. Dari segi perancangan jadual ini, dalam bayangan Yang Berhormat Menteri, bila agaknya Kabinet akan buat keputusan ini ya? Maknanya dalam tempoh tahun 2022 ini, mungkin boleh disebut bulan yang bila. Ini kerana kita lihat kalau di situ masih *delay*, maknanya jadual-jadual lain juga mungkin tidak akan dapat *flow* yang seperti mana yang kita *plan* ini.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Saya harap dua minggu bulan depan. Sebab, memorandum telah pun diedarkan untuk ulasan. Kalau memorandum kita sudah diedarkan untuk ulasan, jadi ada dua Kabinet selalunya sebelum ianya dapat dimasukkan dalam agenda Kabinet. *At the very earliest is in the first two weeks of next month*.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Datuk Seri Naib Pengerusi, sila.

**Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita tentunya memerlukan lebih banyak peruntukan untuk menyiapkan semua sampai enam itulah. Akan tetapi, perbelanjaan yang akan dibelanjakan yang setakat yang bajet yang tersedia ini bukan untuk dua sahaja, bukan? Sebab yang lain-lain itu pun— kecuali nombor enam, yang *zero* dia punya pencapaian. Yang lain itu ada pencapaian jugalah, ada peratus-peratusnya juga. Walaupun memang *slow* dan makan lebih

---

belanja tetapi ada pencapaian. Bukan dua sahaja, bukan? Ertinya limalah yang ada pencapaian. Kos tertinggi itu yang nombor satulah, bukan? Bukan begitukah, KSU?

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Betul, betul, Yang Berhormat. Saya sudah maklumkan tadi, nombor satu hampir 60 *percent*, yang kedua adalah 48 *percent*, LCS 3 adalah 43 *percent*, LCS 4 adalah 36 *percent*, LCS 5 adalah 22 *percent*. LCS 6 yang masih lagi— yang lain itu dah ada *progress*, Yang Berhormat.

So, *insya-Allah*, Yang Berhormat, dengan peruntukan yang ada dan beberapa lagi kerja-kerja VO dan sebagainya itu, *insya-Allah*, kita boleh menyiapkan tetapi tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri, Yang Berhormat. Ia ada *some arrangement* yang lain, Yang Berhormat, dari segi komitmen kewangan. *Insya-Allah*, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Yang Berhormat Kluang, sila.

**Puan Wong Shu Qi:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Ada apa perancangan komunikasi supaya rakyat seluruh Malaysia ada keyakinan dengan projek *move forward* ini? Ini kerana akhirnya kita kena belanja RM4.5 bilion bagi sebuah kapal. So, memang makan kos yang tinggi dah. So, bagaimanakah kita boleh berkomunikasi dengan rakyat supaya semua orang ada keyakinan bahawa akhirnya projek ini akan berjaya, akan jadi dan percaya kepada keupayaan LTAT, MinDef dan BNS? Terima kasih.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Suka tidak suka, kita kena komunikasikannya kepada orang ramai. Akan tetapi, kalau sekiranya PAC, wakil-wakil PAC daripada pembangkang memikirkan bahawa inilah pilihan yang ada, kita harap sokongan dan juga kerjasama. Kalau ia hanya dilihat secara sesuatu yang tidak boleh diselesaikan, kalau ia pertimbangan *is between the opposition and us, at the end of the day, the public will never be convinced*. Apa yang saya cakap sebagai menteri pun kalau tidak disokong dan dipersetujui oleh pihak yang ketiga dan daripada pembangkang daripada— *that is why we are having this proceeding*. So that kita secara telus membentangkan kepada PAC. Kalau kita yang cadangkan ini rasional dan nampak ada *light at the end of the tunnel*— *it is not perfect* tetapi *that is what we have— then I expect the Members of the PAC also to help in communicating this to the public*.

**Puan Wong Shu Qi:** Tuan Pengerusi, boleh saya cadangkan? Oleh kerana Ahli PAC sahaja yang ada di sini, tengok ada berapa ramai orang sahaja, so, adakah ada rancangan supaya MinDef boleh bagi mungkin taklimat kepada semua Ahli Parlimen dalam sidang Parlimen yang akan datang berkenaan perancangan *move forward* ini selepas keputusan diambil oleh Jemaah Menteri? Saya rasa itu lebih sesuai supaya tidak kira pembangkang atau kerajaan, semua Ahli Parlimen tahu betapa penting projek ini kepada negara kita. Terima kasih.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Setuju.

---

## ■1210

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Okey, saya jemput jika ada soalan-soalan lain. *I think you still have a final slide. Ada atau tidak, Dato' Sri?*

**Seorang Ahli:** Gambar sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Gambar sahaja ya?

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Inilah kapalnya, Yang Berhormat. *[Ketawa]* Ini kapal yang kita cadangkan ini, *insya-Allah*, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *Mast* itu, Yang Berhormat Menteri ya, *mast* itu sudah *ready* katanya. Ada dalam stor, mereka kata.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Gambar TV-TV itu yang *you* tengok dekat stor itu, tidak tahu mana hendak letakkan TV skrin itu. Kita bahagi-bahagi antara kita dua, Yang Berhormat dengan saya ya. *[Ketawa]*

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Beres, beres. Jangan campur ya.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Akan tetapi, *to be honest, I am quite happy for today* punya...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman:** Sik pun hendak juga ya TV itu.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Ya saya, Yang Berhormat Sik?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman:** Boleh hantar ke Sik sama ya TV...

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tambah, tambah. Akan tetapi, *you all* ada *advantage because* Menteri belum nampak stor itu lagi, apa benda-benda lain yang ada di situ. *But to be honest with you, we have worked very hard-lah in the last five months.*

Pada peringkat awal itu, *to get Boustead to sit down with the Navy, to sit down with the MinDef is something else. Keduanya, to get all these three parties to sit down with EPU and MoF is another factor because* mereka pun ada kekangan-kekangan kewangan yang terpaksa Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) hadapi.

Akan tetapi, *insya-Allah*, kalau dengan apa yang kita bincangkan hari ini pun, *I* tengok tidak adalah toksik sangat. Kalau ia dapat dibentangkan dengan baik oleh mereka yang terlibat dengan saya sebagai satu pasukan kepada Kabinet dalam masa beberapa minggu ini, *then we hope to have a better plan, a better, clearer picture to plan on the financial aspect* seperti apa yang diminta oleh Yang Berhormat Permatang Pauh tadi dan juga apa perancangan kita selepas ini untuk melihat kepada LCS 3 dan LCS 4 dengan jumlah baki yang sedia ada ini tidak terikat hanya kepada LCS 1 dan LCS 2 sahaja.

Semua ini kita kena ambil kira. *But I can assure you that the team that I have right now is very, very committed. Akan tetapi, we will not protect anybody who has done wrong in the past.* Jadi, kalau SPRM hendak buat tindakan dan sebagainya, ada perkara-perkara yang



jelas penyelewengan dan sebagainya, MinDef, ATM dan TLDM *will not be there to protect them. Under my watch anyway.*

**Tuan Pengerusi:** *Thank you.*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *Thank you.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, boleh saya *go one round* dengan ahli-ahli semua? Ada soalan lanjutan atau tidak kepada Yang Berhormat Menteri ataupun Dato' Sri KSU? Okey, jika tidak ada, bagi pihak PAC...

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Sekejap, sekejap.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Sebab...

**Tuan Pengerusi:** Ya?

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Minta maaf. Ini *very easy, very easy question. [Ketawa]*

**Puan Wong Shu Qi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...tidak cukup, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *You see, when the whole work stalled there, the whole set-up, the whole people around there yang terlibat, they are out of job.* Pekerja-pekerja kontrak ini memang tidak ada gajilah tetapi yang staf-staf yang tetap itu lainlah. So, boleh atau tidak beri bayangan bila *they can start their work? Because they are calling me and waiting.* Mereka kata PAC ini menjadi penghalang. *You said already* tadi tetapi itulah bayangan.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman:** Enam bulan.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Apabila Kabinet *approve, how long then the work can start?*

**Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:** Kita ada masa enam bulan sebenarnya, Dato' Seri, untuk *restructure* dan *engagement* dengan OEM, Naval Group khususnya. Ia pergi maksimum dalam enam bulan, Dato' Seri.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Akan tetapi, kita *work closely* dengan Yang Berhormatlah ya. Mereka yang betul-betul perlu pembelaan ya. *Because now we know the project is going to proceed.* Jadi, tidak guna dalam enam bulan itu kita benarkan beberapa *vendors* yang kecil ini gulung tikar. Jadi, dalam masa enam bulan ini, kita kena cari jalanlah *to make sure* dia dapat bertahan. Akan tetapi, dengan kerjasama Yang Berhormat untuk mengenal pasti mereka dan *we will make sure that they survive the six months-lah until—because we need them also to finish the project.* Jadi, *at least* sekarang *we can go back and tell them that it is on, insya-Allah. But their job is secured, LTAT is safe* dari segi you punya

---

pencarum-pencarum dan sebagainya. *But the way forward, a lot will be decided once we get a decision from the Cabinet.*

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *Just while we are there, number two-nya...*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Ya?

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *A group of these vendors based in Manjung and Lumutlah ya.*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Ya.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *They managed to get ready LMS. Berapa biji LMS hari itu? Enam, bukan?*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Empat.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Empat ya?

**Seorang Ahli:** Empat, empat.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *They managed to commission locally-made, locally-assembled by local small vendors. But when it comes to this LCS, it is given an impression that this is a big project.*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *No, no.*

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *And these vendors tidak sampai ke taraf itu.*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *Ya, I don't know.*

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *This is a big complaint yang kami di MED dahulu, we were in that ministry taking care of vendor, they brought this one up.*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Ya.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *Mereka kata they managed to do it. All engine kah atau wiring...*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** LMS.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *Akan tetapi, mereka ini are local companies. When it comes to this project, they are not given...*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *Let me check, Yang Berhormat.*

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *Ya, since we are re-doing...*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *Kalau kita compare-kan dengan LMS. LMS is my responsibility. Keputusan untuk bina LMS itu, saya.*

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Tahniah.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *Pemantauan untuk delivery, saya. Perubahan— I was hoping that two of the LMS can be built in Lumut. Akan tetapi, at the end of the day, mantan Menteri Pertahanan kata keempat-empat dibina di China. I am very happy to announce that all four we have taken delivery already.*

---

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *So sorry. I was not referring to LMS. Apa nama yang lokal tadi itu? The patrol ship tadi itu.*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *Oh...*

**Beberapa Ahli:** *NGPV?*

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *Ya, ya. The small project-lah kiranya, bukan?*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *Not LMS-lah? LMS baru sangat.*

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *But they managed to get a lot of experience from there. But they were not considered for...*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *Let me check, let me check.*

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *So, kalau boleh di-review balik.*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *Of course. At the end of the day, kalau hendak tengokkan dari segi viability, financially or technically, this project doesn't make sense at this stage. Akan tetapi, kita memandangkan orang ramailah, the vendors, the LTAT punya kedudukan and commitment to the pensioners. This is what we are trying to salvage. Kalau tidak, tidak berbaloi kita bincang macam ini pun. But we will do what we can. I am giving instruction now to MinDef. Dalam enam bulan yang kita hendak tunggu roll-out of whatever decision after Cabinet ini, let us try and make sure that enam bulan ini kita pastikan tidak ada vendor-vendor kecil ini terpaksa gulung tikar. We must make sure that they dapat bertahanlah until this project is in full swing. That is why Yang Berhormat can help me identify ya. Okay.*

**Tuan Pengerusi:** *Yang Berhormat Menteri dan juga Dato' Seri KSU, I think ada satu soalan penting yang kita tertinggal hendak tanya. Berkenaan dengan MJM ini, tadi kita difahamkan this is pending EPU and also AGC's view or something like that.*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *EPU and MoF.*

**Tuan Pengerusi:** *EPU and MOF. When can we expect this MJM be put to the Cabinet?*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *As I said just now, normally kalau ia sudah diedarkan untuk ulasan, we'll get it within one week and a bit, or maybe two weeks maximum. Akan tetapi, I am hoping that once we get the ulasan, kita sudah boleh bantangan kepada Kabinet in the second week of next month. So, kalau ia dapat diselesaikan dalam one Cabinet meeting itu, then we will have a decision in two weeks. I mean two weeks of next month.*

*Of course, we have obligation dengan bank semua ini. They pressure me also hendak dapat Kabinet punya decision. So, I said, be careful. You only have one chance with the Cabinet. Silap langkah, they say no. Then, you are in bigger trouble. So, we've been very careful to make sure that our perjalanan kepada Kabinet ini no stone unturned. This is what we are tabling to PAC today. Harap-harap at the earliest is the second week of next month.*

---

Kalau ikut cadangan mereka, *they wanted it to be tabled before the end of the year, last year*. Akan tetapi, *there was nothing more concrete* daripada LTAT and Boustead as far as commitment is concerned. *I didn't want to commit to the Cabinet until I am more definite. Today, I am a bit more confident* kerana *at the end of the day*, saya yang kena bentangkan kepada Kabinet pun.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Cuma, berkenaan dengan keputusan Kabinet yang akan ataupun yang bakal dibuat nanti ataupun status ia, mungkin saya minta Dato' Seri KSU untuk memberikan *update* kepada PAC dari semasa ke semasa, okey.

So, dengan itu, jika tidak ada soalan lain daripada ahli-ahli semua, bagi pihak PAC, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Dato' Seri KSU, Tan Sri Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia dan juga Dato' CEO LTAT yang telah pun hadir dan membantu dalam prosiding pada pagi ini.

Pada masa yang sama, seperti biasa, *lunch box* ada disediakan di luar. Boleh ambil untuk kesemua ex-officio ataupun staf-staf daripada pihak kementerian. Yang Berhormat Menteri pun boleh. *So, I think Dato' Seri KSU memang tahu ada lunch box sebab you come here every three or four weeks. Okay, so...*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** *Thank you very much.*

**Tuan Pengerusi:** *Thank you. Thank you so much.*

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Bagi pihak MinDef, ATM, Boustead, LTAT, saya juga ucapkan terima kasih dan *Happy Chinese New Year next week. Thank you.*

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.21 tengah hari]**

---